



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012**

Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI TERENGGANU**

**SIRI 2**







# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012**

---

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI TERENGGANU**

**SIRI 2**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU	3
MAJLIS DAERAH MARANG	
Pengurusan Pelesenan	
YAYASAN TERENGGANU	24
Pengurusan Pinjaman Pelajaran	
MENTERI BESAR INCORPORATED	38
Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.	
<b>PENUTUP</b>	63





---

## KATA PENDAHULUAN



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5 (1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (Pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Terengganu.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk di bentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak 2 lagi aktiviti iaitu Pengurusan Pelesenan dan Pengurusan Pinjaman Pelajaran serta satu pengurusan syarikat iaitu Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 13 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
10 Julai 2013



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

#### MAJLIS DAERAH MARANG

##### - Pengurusan Pelesenan

1.1. Bahagian V Peruntukan Am Kewangan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) [Akta] menyatakan bayaran lesen merupakan salah satu jenis hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi melaksanakan fungsi pengurusan pelesenan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dan Majlis Daerah Marang (MDM) menggunakan pakai Akta, Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002, Enakmen Rumah Tumpangan 1948 (*The Boarding House Enactment 1948*) dan Undang-undang Kecil yang digubal di bawah Akta dan Undang-undang Kecil yang lain. Bahagian Pelesenan terletak di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran yang bertanggungjawab menguruskan pengeluaran lesen dan mengawal pelbagai aktiviti perniagaan seperti peruncitan, perkhidmatan, perhotelan, penjajaan, pengiklanan dan sebagainya. Bahagian Pelesenan dibantu oleh Bahagian Penguatkuasaan bagi menguatkuasakan undang-undang terhadap semua kesalahan di bawah Akta yang berkaitan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM7.25 juta hasil lesen dan permit telah dikutip yang menyumbangkan kira-kira 14% hasil bukan cukai dan meningkat dari 3.5% daripada pendapatan keseluruhan MBKT pada tahun 2010 ke 3.8% pada tahun 2012. Ini menunjukkan prestasi bahagian pelesenan semakin baik walaupun jumlah hasil keseluruhan semakin berkurang. Manakala sejumlah RM0.75 juta hasil lesen dan permit telah dikutip yang menyumbangkan 10.9% hasil bukan cukai dan 2.4% pendapatan keseluruhan MDM.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2012 hingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pelesenan adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Rekod kutipan hasil tidak sama antara Bahagian Pelesenan dengan Bahagian Kewangan
- Permohonan lesen lewat diluluskan.
- Aktiviti perniagaan tanpa lesen.
- Ketidakpatuhan syarat lesen.
- Urus tadbir kompaun kurang memuaskan.
- Undang-undang kecil baru tidak diwartakan dan dikuatkuasakan.
- Pengurusan rekod kurang memuaskan.

**1.3.** Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan MBKT dan MDM mengambil langkah-langkah berikut:

**1.3.1.** Mempertingkatkan pengurusan proses permohonan dan pemberitahuan keputusan serta memastikan prosedur kerja pengeluaran lesen dipatuhi.

**1.3.2.** MBKT hendaklah memastikan hasil kutipan lesen diakaunkan dengan sempurna bagi menggambarkan kedudukan sebenar hasil Majlis.

**1.3.3.** Pemantauan dan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan bagi memastikan setiap peniaga mempunyai lesen serta memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan tahap kebersihan terpelihara. Pemutihan perlu dilakukan untuk mengelakkan peniaga daripada bermiaga tanpa lesen.

**1.3.4.** Pihak MBKT sepatutnya mengambil tindakan penguatkuasaan untuk merobohkan papan tanda yang tidak mempunyai lesen bagi mengelakkan pemasangan papan tanda tanpa lesen berleluasa.

**1.3.5.** MBKT dan MDM perlulah mengambil tindakan terhadap kompaun yang masih belum dijelaskan dan memastikan kompaun dijelaskan terlebih dahulu sebelum lesen diperbaharui.

## **2. YAYASAN TERENGGANU**

### **- Pengurusan Pinjaman Pelajaran**

**2.1.** Yayasan Terengganu (YT) ditubuhkan pada 1 Mei 1972 di bawah Enakmen Terengganu Bil. 9 Tahun 1972 dengan matlamat utama untuk meningkat, memaju dan memperkembangkan peluang serta kemajuan pelajar rakyat Terengganu dan warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Terengganu melalui pemberian Biasiswa/Pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Pinjaman tanpa faedah yang diberi boleh ditukar kepada biasiswa atau pengurangan bayaran balik pinjaman berdasarkan keputusan peperiksaan peminjam. YT diterajui oleh Lembaga Pemegang-pemegang Amanah Yayasan Terengganu yang diwujudkan di bawah Seksyen 5 Enakmen Terengganu Bilangan 9 Tahun 1972. Lembaga dipengerusikan oleh Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Timbalan Penggerusi dan 8 ahli yang mana salah seorang ahli adalah Pegawai Kewangan Negeri. YT ditadbir oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh 2 orang Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Timbalan Pengarah (Pendidikan).

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Pinjaman Pelajaran di YT adalah memuaskan dan telah memberi nilai tambah kepada peminjam yang terdiri daripada rakyat Negeri Terengganu yang memerlukan bantuan kewangan bagi menampung kos pengajian. YT didapati mempunyai kemampuan yang tinggi untuk memberi pinjaman kepada lebih ramai pelajar berdasarkan kepada hanya 67.2% peruntukan dibelanjakan dan 53.9% pelajar diberi

pinjaman daripada jumlah yang disasarkan. Selain itu, prestasi kutipan balik pinjaman adalah baik di mana 90.2% berjaya dikutip daripada yang disasarkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pengurusan pinjaman pelajaran seperti berikut:

- Sasaran peminjam tidak tercapai.
- Kecekapan memproses permohonan dan tempoh penerimaan tawaran tidak dapat dinilai.
- Dokumen perjanjian pinjaman belum/lewat dikemukakan kepada peminjam dan penjamin.
- Surat tuntutan pertama, surat peringatan, notis tuntutan dan saman belum/lewat dikeluarkan kepada peminjam dan penjamin.
- Bayaran masih dibuat walaupun keputusan peperiksaan tidak dikemukakan.
- *Backup* data tidak disimpan di bangunan berasingan.

**2.3.** Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pinjaman pelajaran, Yayasan Terengganu adalah disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

**2.3.1.** Memastikan surat perjanjian pinjaman dikemukakan kepada peminjam dan penjamin sebaik sahaja perjanjian ditandatangani.

**2.3.2.** Memastikan fail peminjam yang telah tamat pengajian diambil tindakan untuk dikemukakan ke Bahagian Bayaran Balik selepas 6 bulan tamat pengajian bagi tujuan bayaran balik.

**2.3.3.** Menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) dalam Prosedur Kerja supaya prestasi pegawai boleh dinilai.

**2.3.4.** Mengambil tindakan tegas terhadap peminjam yang ingkar membayar balik pinjaman dengan mengikut proses tindakan yang telah ditetapkan.

**2.3.5.** Menyimpan *backup* data di bangunan lain selaras dengan Dasar Keselamatan ICT.

### **3. MENTERI BESAR INCORPORATED**

- **Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.**

**3.1.** Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) merupakan anak syarikat milik penuh kepada Menteri Besar Incorporated (MBI). TISB diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Mac 2006 dengan modal saham dibenarkan sejumlah RM2 bilion dan dibayar sejumlah RM510.95 juta melalui terbitan syer biasa dan syer keutamaan bukan kumulatif boleh tebus. TISB menjalankan aktiviti sebagai syarikat pegangan pelaburan dan berperanan sebagai penasihat dan perunding perniagaan, komersil dan aktiviti-aktiviti industri kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan TISB adalah baik kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul pada 2 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM19.06 juta pada tahun 2010 dan RM42.84 juta pada 2011 berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM3.23 juta, RM0.69 juta dan RM2.06 juta masing-masingnya pada tahun 2007, 2008 dan 2009. Keuntungan bersih selepas cukai turut meningkat sejak tahun 2008 berjumlah RM4.54 juta kepada RM23.78 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Anak syarikat mengalami kerugian terkumpul dan berstatus dorman.
- Projek Pembangunan di Pulau Besar, Merang, Setiu ditangguhkan.
- Rancangan Korporat tidak disediakan.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kurang memuaskan.
- Dividen tidak dibayar kepada pemegang saham.
- Perjanjian kontrak tidak disediakan.
- Pengurusan bayaran tidak teratur.
- Pengurusan aset tidak memuaskan.
- Pengisian jawatan tidak selaras dengan kelulusan Lembaga Pengarah.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

**3.3.** Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan syarikat, TISB disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**3.3.1.** Menstrukturkan semula dan memulihkan prestasi anak syarikat yang mengalami kerugian dan dorman bagi menjana tambahan pendapatan.

**3.3.2.** Membuat penilaian terperinci bagi memastikan Projek Pembangunan Pulau Besar dapat dimanfaatkan selaras dengan matlamat yang hendak dicapai.

**3.3.3.** Menyediakan Rancangan Korporat, Jawatankuasa Pelaburan berfungsi dan pengerusi serta setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlulah berperanan mengikut peraturan ditetapkan.



---

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



# **AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

## **MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU MAJLIS DAERAH MARANG**

### **1. PENGURUSAN PELESENAN**

#### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Bahagian V Peruntukan-peruntukan Am Kewangan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) [Akta] menyatakan bayaran lesen merupakan salah satu jenis hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Seksyen 107 Akta pula menyatakan pada memberi sesuatu lesen atau permit, sesuatu PBT boleh menetapkan bayaran bagi lesen atau permit itu dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis yang mengenainya lesen itu diberi. Lesen diberikan adalah berdasarkan jenis aktiviti yang terlibat seperti tred, perniagaan, perindustrian, penjaja, kedai gunting rambut, pendandan rambut, iklan, hiburan, dan pengendali makanan.

**1.1.2.** Bagi melaksanakan fungsi pengurusan pelesenan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dan Majlis Daerah Marang (MDM) menggunakan pakai Akta, Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2002, Enakmen Rumah Tumpangan 1948 (*The Boarding House Enactment 1948*) dan Undang-undang Kecil yang digubal di bawah Akta Dan Undang-undang Kecil yang lain. Antara Undang-undang Kecil tersebut ialah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan Dan Perindustrian; Undang-undang Kecil Iklan; Undang-undang Kecil Pasar dan beberapa Undang-undang Kecil yang lain. Tempoh lesen adalah dari 1 Januari sehingga 31 Disember kecuali permit yang dikeluarkan berdasarkan tempoh. Kadar lesen ialah di antara RM10 hingga RM5,000 bergantung kepada jenis perniagaan. Selain itu, sekiranya terdapat pelanggaran undang-undang yang digariskan dalam Akta tersebut, Undang-undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-kesalahan akan diguna pakai.

**1.1.3.** Bahagian Pelesenan terletak di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran yang bertanggungjawab menguruskan pengeluaran lesen dan mengawal pelbagai aktiviti perniagaan seperti peruncitan, perkhidmatan, perhotelan, penjajaan, pengiklanan dan sebagainya. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan semua perniagaan yang dijalankan mempunyai lesen yang sah dan kadar yang dikenakan seperti ditetapkan oleh Undang-undang Kecil berkaitan. Selain itu, Bahagian Pelesenan juga dibantu oleh Bahagian Pengukuasaan bagi menguatkuasakan undang-undang terhadap semua kesalahan di bawah Akta yang berkaitan.

**1.1.4.** Jumlah pendapatan yang diperoleh bagi MBKT dan MDM adalah terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Hasil lesen dan permit merupakan komponen hasil bukan cukai. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM7.25 juta bagi MBKT dan RM0.75 juta bagi MDM merupakan hasil lesen dan permit telah dikutip.

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pelesenan telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

## **1.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini adalah meliputi pengurusan pelesenan yang dilaksanakan di MBKT dan MDM bagi tahun 2010 hingga 2012. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, sampel fail pelesen dan dokumen yang berkaitan. Lawatan ke premis perniagaan yang dipilih dan temu bual dengan pemilik premis tersebut serta pegawai yang terlibat turut diadakan.

## **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2012 hingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pelesenan di MBKT dan MDM adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Rekod kutipan hasil tidak sama antara Bahagian Pelesenan dengan Bahagian Kewangan.
- Permohonan lesen lewat diluluskan.
- Aktiviti perniagaan tanpa lesen.
- Ketidakpatuhan syarat lesen.
- Urus tadbir kompaun kurang memuaskan.
- Undang-undang kecil baru tidak diwartakan dan dikuatkuasakan.
- Pengurusan rekod kurang memuaskan.

### **1.4.1. Penetapan Dan Pencapaian Sasaran**

#### **1.4.1.1. Prestasi Kutipan Hasil Lesen**

Pihak Majlis mendapat hasil pendapatan daripada aktiviti percukaian dan pelesenan. Aktiviti pelesenan secara umumnya menyumbang kurang daripada 20% daripada hasil bukan cukai. Namun, jumlah berkenaan penting untuk membantu pihak Majlis dalam menampung keperluan perbelanjaan pengurusan. Prestasi kutipan hasil lesen bagi

kedua-dua Majlis adalah baik untuk tempoh 2010 hingga 2012. Ini adalah kerana jumlah hasil lesen meningkat setiap tahun. Peningkatan hasil lesen bagi kedua-dua Majlis tersebut adalah disebabkan oleh pengeluaran lesen baru dan pertambahan aktiviti ekonomi di kawasan Majlis. Prestasi kutipan hasil lesen bagi MBKT dan MDM adalah seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**

**Prestasi Kutipan Hasil Lesen Majlis Bandaraya Kuala Terengganu Dan Majlis Daerah Marang Bagi Tahun 2010 hingga 2012.**

Agensi	2010 (RM juta)	2011 (RM juta)	2012 (RM juta)
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	4.36	4.87	5.27
Majlis Daerah Marang	0.233	0.250	0.254

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Daerah Marang

**1.4.1.2. Rekod Kutipan Hasil Tidak Sama Antara Bahagian Pelesenan Dengan Bahagian Kewangan**

- a. Bahagian Pelesenan bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen kepada pemohon dan menetapkan jumlah yang perlu dibayar. Maklumat ini kemudiannya akan dicetak oleh Bahagian Pelesenan dan seterusnya pemohon akan membuat bayaran di Bahagian Kewangan. Bahagian Kewangan selanjutnya akan mengakaunkan kutipan berkenaan. Pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat perbezaan antara rekod di Bahagian Pelesenan dengan rekod di Bahagian Kewangan seperti di **Jadual 1.2** berikut.

**Jadual 1.2**

**Perbezaan Rekod Kutipan Hasil Lesen 2010 hingga 2012**

Tahun	Rekod Di Bahagian Pelesenan (RM Juta)	Rekod Di Bahagian Kewangan (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
<b>Majlis Bandaraya Kuala Terengganu</b>			
2010	4.36	2.41	1.95
2011	4.87	2.33	2.54
2012*	5.27	2.51	2.76
<b>Jumlah</b>			<b>7.25</b>
<b>Majlis Daerah Marang</b>			
2010	0.233	0.233	-
2011	0.250	0.260	0.01
2012	0.254	0.254	-
<b>Jumlah</b>			<b>0.01</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Daerah Marang

Nota: \* Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012  
Belum Diaudit Bagi MBKT

- b. Analisis Audit mendapat perbezaan rekod kutipan hasil lesen antara Bahagian Pelesenan dengan Bahagian Kewangan sebanyak RM7.25 juta bagi MBKT dan RM0.01 juta bagi MDM. Perbezaan di MBKT adalah disebabkan oleh sewa pasar, hasil kompaun dan lain-lain hasil di Bahagian Pelesenan dimasukkan sebagai hasil

lesen. Bagi MDM, perbezaan telah disesuaikan dan pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas yang diberikan. Bagaimanapun, **mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, perbezaan jumlah hasil adalah disebabkan pengkelasan kod hasil yang tidak selaras di antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Kewangan. Bahagian Teknologi Maklumat sedang dalam proses penambahbaikan sistem bagi menangani masalah-masalah tersebut.** Isu penyesuaian terhadap perbezaan belum dapat diselesaikan sehingga tarikh laporan audit dimuktamadkan.

#### 1.4.1.3. Prestasi Permohonan Lesen MBKT

Berdasarkan rekod, bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 3,185 permohonan lesen yang terdiri daripada kategori Tred, Perniagaan Dan Perindustrian, Establisymen Makanan serta Penjaja telah diterima. Sebanyak 2,516 permohonan telah diluluskan dan 669 permohonan ditolak seperti di **Jadual 1.3**. Analisis Audit menunjukkan jumlah lesen yang diluluskan pada tahun 2011 telah meningkat sebanyak 23.9% berbanding dengan tahun 2010. Bagaimanapun, jumlah lesen yang diluluskan pada tahun 2012 berkurang sebanyak 24.2% berbanding tahun 2011. Antara sebab-sebab permohonan lesen ditolak adalah kerana tidak memenuhi syarat lesen seperti kelulusan bangunan belum diperoleh, lokasi perniagaan yang tidak sesuai, keperluan Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan tidak dipatuhi.

**Jadual 1.3**  
**Prestasi Permohonan Lesen**

Bil.	Jenis Lesen	2010			2011			2012		
		Mohon	Lulus	Tolak	Mohon	Lulus	Tolak	Mohon	Lulus	Tolak
1.	Tred, Perniagaan Dan Perindustrian	593	487	106	711	550	161	670	515	155
2.	Establisymen Makanan	150	124	26	215	190	25	145	114	31
3.	Penjaja	229	181	48	321	241	80	151	114	37
<b>Jumlah</b>		<b>972</b>	<b>792</b>	<b>180</b>	<b>1,247</b>	<b>981</b>	<b>266</b>	<b>966</b>	<b>743</b>	<b>223</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

#### 1.4.1.4. Prestasi Pengeluaran Lesen Dan Permit MDM

- Bagi tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 1,148 permohonan lesen yang terdiri daripada kategori Komposit, Tred, Perniagaan Dan Perindustrian, Establisymen Makanan dan Penjaja/Pasar telah diterima dan sebanyak 1,114 permohonan telah diluluskan manakala 34 permohonan telah ditolak seperti di **Jadual 1.4**. Antara sebab permohonan ditolak adalah kerana kedudukan premis pada rizab jalan, tidak ada kelulusan pelan bangunan, lokasi perniagaan yang tidak sesuai, tidak mengemukakan permohonan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri serta tidak

memenuhi keperluan Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

**Jadual 1.4**

**Prestasi Permohonan Lesen Dan Permit**

Bil.	Jenis Lesen Dan Permit	2010			2011			2012		
		Mohon	Lulus	Tolak	Mohon	Lulus	Tolak	Mohon	Lulus	Tolak
1.	Komposit	150	149	1	146	144	2	153	149	4
2.	Tred, Perniagaan & Perindustrian	94	93	1	77	70	7	74	72	2
3.	Establisymen Makanan	54	53	1	73	72	1	75	73	2
4.	Penjaja/Pasar	2	2	-	26	26	-	96	96	-
5.	Permit Hiburan	5	5	0	3	3	0	7	7	0
6.	Permit Pelbagai	50	42	8	38	36	2	25	22	3
<b>Jumlah</b>		<b>355</b>	<b>344</b>	<b>11</b>	<b>363</b>	<b>351</b>	<b>12</b>	<b>430</b>	<b>419</b>	<b>11</b>

Sumber: Majlis Daerah Marang

- b. Analisis Audit mendapati prestasi pengeluaran lesen bagi tahun 2011 meningkat sebanyak 2.0% berbanding tahun 2010. Seterusnya bagi tahun 2012, pengeluaran lesen meningkat sebanyak 19.3% berbanding tahun 2011. Peningkatan pengeluaran lesen ini adalah baik kerana menggambarkan perkembangan ekonomi setempat semakin pesat.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kutipan hasil untuk MBKT dan MDM adalah memuaskan kerana kutipan sebenar adalah melebihi anggaran kutipan bagi tahun 2010 hingga 2012.**

#### 1.4.2. Proses Permohonan Lesen Melebihi Tempoh

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Bil. 03/2011 MBKT pada 14 Mac 2011 menetapkan setiap permohonan akan diproses untuk kelulusan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima. Manakala bagi MDM, permohonan lesen tidak berisiko tinggi yang dipohon sebelum 1 September 2011, surat kelulusan lesen boleh dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan dibuat. Sementara itu bagi permohonan yang berisiko tinggi, surat kelulusan dikeluarkan dalam tempoh 60 hari iaitu selepas mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan Dan Undang-undang diadakan. Bagaimanapun selepas 1 September 2011, bagi permohonan lesen tidak berisiko tinggi, Surat Kebenaran Menjalankan Perniagaan diberikan kepada pemohon manakala bagi permohonan berisiko tinggi akuan penerimaan borang permohonan akan dikeluarkan. Surat kelulusan dikeluarkan dalam tempoh 40 hari iaitu selepas mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan Dan Undang-undang diadakan.

#### 1.4.2.1. Permohonan Lesen Lewat Diluluskan

- a. Bagi tahun 2010 hingga 2012, 65 permohonan lesen lewat diluluskan oleh MBKT melebihi 30 hari bekerja. Manakala di MDM, 5 daripada 143 permohonan lesen lewat diluluskan melebihi 60 hari atau 40 hari bekerja seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
**Kelewatan Meluluskan Lesen**

Bil.	Jenis Lesen	Bilangan Permohonan Yang Lewat			
		MBKT		MDM	
		31-60 Hari	61 Hari Ke Atas	31-60 Hari	61 Hari Ke Atas
1.	Tred, Perniagaan Dan Perindustrian	33	28	1	2
2.	Establisymen Makanan	3	-	-	1
3.	Penjaja	1	-	-	
4.	Komposit	-	-	-	1
<b>Jumlah</b>		<b>37</b>	<b>28</b>	<b>1</b>	<b>4</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Daerah Marang

- b. Di MBKT, kelewatan adalah dari 31 hingga 174 hari. Antara sebab kelewatan adalah kerana syarat lesen belum dipatuhi dan kekerapan mesyuarat jawatankuasa diadakan hanya 4 hingga 6 kali setahun. Bagaimanapun, semakan terhadap fail individu pelesen mendapat tidak ada dokumentasi menjelaskan sebab permohonan lewat diluluskan. Manakala di MDM kelewatan adalah dari 53 hingga 210 hari. Antara sebab kelewatan adalah kerana syarat kelulusan belum dipatuhi iaitu ulasan daripada Jabatan Teknikal dan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) lewat diperolehi.
- c. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, pihak pengurusan telah mengambil tindakan di mana kesemua permohonan lesen akan diproses dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak Pengurusan telah membuat penukaran tugasan di mana sistem zon diadakan. Bagi sistem zon yang diperkenalkan, semua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) dan Pembantu Kesihatan Awam (PKA) yang terlibat akan membuat semua tugasan tanpa mengira unit. Sistem zon ini dapat mempercepatkan laporan pemeriksaan premis dan seterusnya dibawa ke pihak pengurusan tertinggi.**
- d. **Mengikut maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, Ahli Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan dan Undang-undang adalah terdiri daripada wakil daripada Jabatan Teknikal. Oleh itu sekiranya ulasan daripada Jabatan Teknikal tidak diterima dalam tempoh 14 hari, MDM akan menganggap tiada halangan terhadap permohonan tersebut diluluskan.**

#### **1.4.2.2. Siasatan Syarat Khusus Lesen Tidak Dibuat Di MDM**

- a. Berdasarkan Prosedur MS ISO 9001:2008, laporan pemeriksaan premis akan dilakukan oleh PPKP/PKA bagi memastikan syarat-syarat lesen premis perniagaan dipatuhi. Selain itu penyerahan borang syarat khusus pelesenan akan diserahkan kepada pemohon untuk dipatuhi dalam masa 14 hari. Selepas kelulusan mesyuarat atau bayaran lesen dibuat, PPKP/PKA akan membuat pemeriksaan ulangan pertama. Selepas tempoh 14 hari, sekiranya syarat khusus lesen belum dipatuhi, pemeriksaan ulangan kedua akan dijalankan. Tawaran mengkompaun suatu kesalahan akan dikeluarkan untuk ketidakpatuhan. Semakan Audit terhadap 130 permohonan yang diluluskan dan lulus bersyarat dalam tahun 2010 hingga 2012 mendapati 77 permohonan lesen tidak dibuat siasatan semula oleh PPKP/PKA.
- b. **Mengikut maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, permohonan lesen tidak dibuat siasatan semula kerana kekangan bilangan pegawai. MDM telah mengambil tindakan mengiklankan jawatan PKA pada 24 Oktober 2010. Bagaimanapun, tidak ada calon yang layak untuk dipertimbangkan kerana ketiadaan Sijil Pembantu Kesihatan Awam. MDM mengesyorkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan kursus kepada kakitangan di PBT bagi memberi peluang untuk meningkatkan kerjaya.**

#### **1.4.2.3. Permohonan Lesen Diluluskan Walaupun Tidak Mendapat Ulasan Jabatan Teknikal Di MDM**

- a. Berdasarkan Prosedur MS ISO 9001:2008 sebelum kelulusan lesen diberi kepada pemohon, ulasan dan pandangan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Kesihatan Daerah dan lain-lain akan diperolehi bagi mendapat sokongan Jabatan berkenaan. Semakan Audit mendapati 32 permohonan diluluskan tanpa mendapat ulasan daripada Jabatan Teknikal.
- b. **Berdasarkan maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, Prosedur MS ISO 9001:2008 bagi PK-BPPP-01 dan 02 hanya merupakan proses kerja (*work flow*) bagi permohonan kelulusan lesen dan Mesyuarat Majlis Daerah Marang mempunyai kuasa untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan lesen walaupun tanpa ulasan daripada Jabatan Teknikal yang berkaitan. Seksyen 26 (Akta 171) memperuntukkan semua isu yang dibawa ke dalam mana-mana mesyuarat PBT hendaklah diputuskan dengan undi lebih suara anggota Majlis yang hadir.**

Pada pendapat Audit, proses permohonan lesen kurang memuaskan kerana permohonan lesen lewat diluluskan di MBKT dan MDM. Selain itu, di MDM tidak ada siasatan syarat khusus lesen dilakukan dan permohonan lesen diluluskan tanpa ulasan bertulis Jabatan Teknikal di MDM.

### 1.4.3. Aktiviti Perniagaan Tanpa Lesen

Seksyen 2 & 3(1) Undang-undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MBKT dan MDM serta Seksyen 3(1) Undang-undang Kecil Establisymen Makanan MBKT menjelaskan tidak ada seorang pun boleh menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.

#### 1.4.3.1. Permohonan Lesen Tidak Diluluskan

- a. Lawatan Audit ke Pantai Batu Buruk pada 6 Oktober 2012 mendapati aktiviti penyewaan kenderaan *All Terrain Vehicles* (ATV) sedang beroperasi seperti di **Gambar 1.1**. Semakan mendapati permohonan bagi mendapatkan lesen perkhidmatan menyewa kenderaan tersebut ada dikemukakan kepada MBKT. Bagaimanapun permohonan tersebut ditolak dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan Dan Undang-undang pada 19 Februari 2012 kerana lokasinya tidak sesuai untuk dilesenkan. Lokasi tersebut merupakan kawasan awam. **Gambar 1.2** menunjukkan kilang memproses arang beroperasi tanpa lesen. Pemilik premis tersebut telah membuat permohonan untuk mendapatkan lesen tetapi tidak diluluskan oleh MDM kerana tidak mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan melakukan pembakaran secara terbuka serta menimbulkan pencemaran udara. Manakala **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4** pula adalah premis perniagaan yang beroperasi tanpa lesen. Bagaimanapun, penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan tersebut tidak diambil oleh pihak Majlis.

**Gambar 1.1**  
Aktiviti Penyewaan Kenderaan ATV



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 Oktober 2012

**Gambar 1.2**  
Kilang Proses Arang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Perindustrian, Wakaf Tapai, Marang.  
Tarikh: 14 Mac 2013

**Gambar 1.3**

**Premis Perniagaan Tanpa Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Kuala Berang, Kuala Terengganu  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**Gambar 1.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara


Lokasi: Kampung Laut, Kuala Terengganu  
Tarikh: 17 Oktober 2012

- b. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, MBKT menolak permohonan lesen bagi aktiviti ATV atas asas yang kukuh dari sudut keselesaan dan keselamatan orang awam. Pihak MBKT hanya melesenkan premis yang mematuhi syarat-syarat lesen seperti mempunyai kelulusan pelan bangunan, lokasi yang sesuai serta lain-lain syarat yang telah ditetapkan. Mengikut maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, tindakan mengkompaun telah diambil terhadap kilang memproses arang tersebut.**

#### 1.4.3.2. Lesen Tidak Diperbaharu

- a. Berdasarkan Undang-undang Kecil MBKT dan MDM di bawah Akta tempoh sesuatu lesen adalah dari 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun. Lesen perlu diperbaharui setiap tahun untuk menjalankan perniagaan sebagaimana peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati 39 pelesen tidak memperbaharui lesen di MBKT dan 105 pelesen di MDM bagi tempoh 2010 hingga 2012.
- b. Lawatan Audit pada 14 Mac 2013 mendapati 6 premis perniagaan di MDM tidak memperbaharui lesen tahun 2012 dan 2013. Dua premis telah dikenakan kompaun pada 12 Mac 2012 dan 14 Mac 2012 manakala 4 premis masih belum dikenakan kompaun kerana surat pembaharuan lesen belum dihantar kepada pelesen seperti di **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.6**.

**Gambar 1.5**  
**Premis Perniagaan Yang Tidak Memperbaharui Lesen Dan Dikenakan Kompaun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Wakaf Tapai, Marang  
Tarikh: 14 Mac 2013

**Gambar 1.6**  
**Premis Perniagaan Yang Tidak Memperbaharui Lesen Dan Dikenakan Kompaun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Wakaf Tapai, Marang  
Tarikh: 14 Mac 2013

- c. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, selepas tamat tempoh sah lesen, Bahagian Pelesenan akan membuat pemeriksaan terhadap peniaga dan mana-mana peniaga yang gagal memperbaharui lesen mereka akan dikenakan kompaun kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen di samping perlu memperbaharui lesen mereka. Sekiranya semasa pemeriksaan dibuat terdapat mana-mana premis yang telah ditutup atau tidak lagi berniaga, PPKP atau PKA yang membuat pemeriksaan akan melaporkan secara bertulis untuk dibatalkan di dalam sistem dan peniaga yang baru perlu membuat permohonan yang lain. Berdasarkan maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, aktiviti penguatkuasaan dan operasi akan dijalankan awal bulan Jun 2013 kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.**

Pada pendapat Audit, pengawasan atau pemantauan terhadap aktiviti perniagaan tanpa lesen perlu dibuat secara berterusan dan tindakan pemutihan dilakukan untuk mengelakkan peniaga daripada berniaga tanpa lesen.

#### 1.4.4. Papan Tanda/*Billboard* Tanpa Lesen

- 1.4.4.1. Undang-undang Kecil (Iklan) mendefinisikan papan tanda sebagai papan yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar serta jenis tred, perniagaan atau profesion yang dijalankan dan dapat dilihat dari mana-mana jalan atau tempat awam. Sesiapa yang mempamerkan iklan perlu membayar mengikut kadar yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap senarai papan tanda/*billboard* yang diperolehi daripada Jabatan Kawalan Bangunan mendapati sebanyak 72 unit papan tanda/*billboard* tidak mendapat kelulusan jabatan tersebut seperti di **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.10** tetapi masih dipamerkan. Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-25 tahun 2008 bertarikh 8 Oktober 2008, Kerajaan Negeri bersetuju menyerahkan pengurusan pengendalian papan tanda/*billboard* kepada sebuah koperasi. Semakan lanjut mendapati 136 permohonan telah dibuat oleh koperasi kepada Pejabat Tanah untuk permohonan menduduki tanah sementara (TOL) bagi tapak papan tanda/*billboard*. Daripada jumlah

tersebut sebanyak 14 telah diluluskan manakala 17 telah ditolak dan 105 dalam proses permohonan. Permohonan berkenaan tidak diluluskan disebabkan kegagalan memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh MBKT. Bagaimanapun, pemohon tetap mendirikan papan tanda/billboard walaupun tidak mempunyai lesen.

**Gambar 1.7**

**Papan Tanda Iklan Tanpa Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Persimpangan Simpang Empat Chendering  
Tarikh: 17 Oktober 2012

**Gambar 1.8**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Persimpangan Simpang Empat Chendering  
Tarikh : 17 Oktober 2012

**Gambar 1.9**

**Papan Tanda Iklan Tanpa Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Persimpangan Perpustakaan Awam/ Jambatan Sultan Mahmud  
Tarikh: 16 Oktober 2012

**Gambar 1.10**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Persimpangan Kompleks Tenis/Pasar Tani Padang Hiliran Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 Oktober 2012

**1.4.4.2. Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, pemasangan papan tanda/billboard adalah terlebih dahulu perlu mendapatkan kelulusan daripada pemilik tanah (Pejabat Tanah), Jabatan Perancang Bandar MBKT dari segi kesesuaian lokasi dan juga kelulusan dari Jabatan Kawalan Bangunan MBKT dari segi keselamatan struktur binaannya dan sekiranya mana-mana syarat tersebut tidak dipatuhi maka kelulusan bagi mendirikan struktur papan tanda/billboard/unipole tersebut tidak dapat diluluskan. Permohonan bagi membina/memasang struktur papan tanda/billboard dikehendaki dibuat melalui Koperasi. Kesemua permohonan ini akan dibawa ke Jawatankuasa One Stop Center (JKOSC) untuk pertimbangan dan kelulusan permit sementara. Pihak Majlis telah**

**beberapa kali berbincang dengan pihak koperasi dan sehingga kini ianya belum mencapai kata sepakat. Manakala di MDM, semakan Audit mendapati cuma terdapat satu papan tanda/billboard sahaja dan telah dibayar lesen.**

Pada pendapat Audit, pihak MBKT sepatutnya mengambil tindakan penguatkuasaan untuk merobohkan papan tanda yang tidak mempunyai lesen. Majlis juga perlu membuat penyiasatan terhadap kes-kes di mana Majlis telah kehilangan hasil dan jika didapati berlaku kecuaian pegawai tersebut hendaklah diambil tindakan yang setimpal.

#### **1.4.5. Pengusaha Restoran Tidak Mematuhi Syarat Lesen**

**1.4.5.1.** Mengikut Seksyen 107(2) Akta, tiap-tiap lesen atau permit yang diberi adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap pelesen dikehendaki mematuhi setiap syarat lesen yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Kegagalan peniaga berbuat demikian akan dikenakan tindakan kompaun mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Pengusaha perlu menjaga kebersihan premis dan persekitarannya supaya sentiasa bersih. Antara syarat-syarat kebersihan yang dikenakan adalah seperti berikut:

- a. Kebersihan premis dan tempat makanan serta kawasan sekeliling hendaklah dijaga setiap masa.
- b. Menyediakan perangkap lemak.
- c. Menyediakan tandas dan bilik air yang sempurna serta kebersihan dijaga setiap masa.
- d. Lantai perlu dimop dan dinding premis sentiasa dicuci.

**1.4.5.2.** Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu ada membuat lawatan ke premis perniagaan makanan dan akan memberi penarafan A,B dan C terhadap tahap kebersihan premis di mana Gred A adalah Sangat Bersih, Gred B (Bersih) dan Gred C (Tidak Bersih). Lawatan Audit ke 30 buah kedai makanan di MBKT yang telah diberi penggredan kelas "C" oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu, mendapati 11 premis yang dilawati melanggar syarat-syarat pematuhan kebersihan seperti ruang dapur kotor dan saluran paip tidak disambungkan ke perangkap lemak seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.14**. Bagaimanapun, premis berkenaan dibuka semula selepas tempoh 2 minggu ditutup dan keadaan yang sama berulang. Lawatan Audit ke 9 buah kedai makan dan restoran di MDM mendapati 7 premis yang dilawati tidak mematuhi syarat-syarat kebersihan seperti ruang dapur dan tandas kotor seperti di **Gambar 1.15** dan **Gambar 1.16**.

**Gambar 1.11**  
**Ruang Dapur Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Sultan Mohamad, Terengganu  
Tarikh: 2 Januari 2013

**Gambar 1.12**  
**Lantai Ruang Dapur Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Hiliran, Kuala Terengganu  
Tarikh: 2 Januari 2013

**Gambar 1.13**  
**Lantai Ruang Dapur Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Masjid Abidin, Kuala Terengganu  
Tarikh: 2 Januari 2013

**Gambar 1.14**  
**Perangkap Lemak Tidak Berfungsi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Sultan Mohamad, Kuala Terengganu  
Tarikh: 2 Januari 2013

**Gambar 1.15**  
**Ruang Dapur Berselerak Dan Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Wakaf Tapai, Marang  
Tarikh: 14 Mac 2013

**Gambar 1.16**  
**Tandas Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Marang, Terengganu  
Tarikh: 27 Mac 2013

**1.4.5.3. Berdasarkan maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, Bahagian Pelesenan sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis makanan dan ianya dilakukan mengikut bilangan pegawai yang ada berbanding bilangan pelesen/premis yang melebihi 9,300 yang perlu dibuat pemeriksaan.**

**1.4.5.4. Berdasarkan maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, kerjasama antara Penguatkuasa MDM dan Pejabat Kesihatan Daerah Marang untuk mengadakan pemeriksaan terhadap premis makanan telah diadakan pada setiap tahun. Sejumlah 24 kompaun telah dikeluarkan kepada pelesen bagi tempoh 2010 hingga 2012 disebabkan tidak menjaga kebersihan premis dan 11 premis telah diberi arahan untuk menutup premis pada tahun 2011.**

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan sekerap yang mungkin untuk memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan tahap kebersihan terpelihara.

#### **1.4.6. Pengurusan Kompaun**

Bahagian Pelesenan MBKT bertanggungjawab dengan tugas pemantauan dan penguatkuasaan. Ianya dipertanggungjawabkan kepada PPKP dan PKA bagi melakukan penyeliaan dan pengawasan ke atas premis-premis perniagaan supaya tidak menyebabkan kacau ganggu, mempunyai lesen perniagaan dan mematuhi syarat lesen. Selain itu, PPKP dan PKA boleh mengeluarkan notis serta Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan ke atas kesalahan bermiaga tanpa lesen serta tidak mematuhi syarat lesen di bawah Akta. Bagaimanapun di MDM, Bahagian Penguatkuasaan sahaja yang boleh mengeluarkan Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan.

##### **1.4.6.1. Kompaun Tidak Dijelaskan Kepada MBKT**

- Mengikut Seksyen 3(a) Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) seseorang individu boleh dikenakan kompaun tidak melebihi RM250 bagi setiap kesalahan. Pada tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 5,416 kompaun telah dikeluarkan. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 3,790 kompaun telah dijelaskan berjumlah RM354,884 meliputi lesen Tred, Perniagaan Dan Perindustrian, Establismen Makanan, Penjaja dan Pasar seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**  
**Prestasi Bayaran Kompaun Di Bahagian Pelesenan MBKT**

Tahun	Bilangan Kompaun Dikeluarkan	Kompaun Yang Dijelaskan			Kompaun Tidak Dijelaskan			
		Bilangan	Jumlah (RM)	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Kadar Kompaun (RM)	Jumlah Anggaran (RM)
2010	1,611	1,037	95,525	64.4	574	35.6	250	143,500
2011	2,293	1,453	134,180	63.4	840	36.6	250	210,000
2012	1,512	1,300	125,179	86.0	212	14.0	250	53,000
<b>Jumlah</b>	<b>5,416</b>	<b>3,790</b>	<b>354,884</b>	<b>70.0</b>	<b>1,626</b>	<b>30.0</b>	<b>-</b>	<b>406,500</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

- b. Analisis lanjut terhadap bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan mendapati bilangan kompaun yang dikeluarkan telah bertambah sebanyak 42.3% pada tahun 2011 tetapi menurun sebanyak 34.1% pada tahun 2012. Manakala jumlah kompaun yang dijelaskan berbanding jumlah kompaun yang dikeluarkan adalah pada 64.4% dan 63.4% pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing tetapi meningkat kepada 86.0% pada tahun 2012. Peratus kompaun yang tidak dijelaskan adalah sebanyak 30% dengan anggaran sejumlah RM406,500. Di Bahagian Pelesenan tidak ada prosedur kerja untuk PPKP dan PKA bagi mengambil tindakan susulan terhadap kompaun yang telah dikeluarkan. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, pelesen yang memegang lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian lebih terdedah kepada pelanggaran syarat lesen. Pihak pentadbiran pula telah mengarahkan sistem zoning diadakan di mana kesemua PPKP dan PKA tanpa mengira unit perlu mengambil tindakan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran syarat. Penurunan kadar pengeluaran kompaun pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah berdasarkan kepada operasi dan pemeriksaan yang diadakan pada tahun 2011. Keprihatinan pentadbiran dalam mengurangkan dan memudahkan bayaran kompaun juga secara langsung menyumbang kepada penyelesaian kompaun individu yang berkenaan sehingga meningkat kepada 86.0% pada tahun 2012.**
- c. Berdasarkan daftar kompaun di Bahagian Penguatkuasaan bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh MBKT dari tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.7**  
**Prestasi Bayaran Kompaun Di Bahagian Penguatkuasaan MBKT**

Tahun	Bilangan Kompaun Dikeluarkan	Bilangan Kompaun Yang Dijelaskan	Bilangan Kompaun Belum Dijelaskan	Kompaun Yang Dijelaskan (%)	Kompaun Tidak Dijelaskan (%)	Kadar Kompaun (RM)	Jumlah Anggaran (RM)
2010	211	46	165	21.8	71.2	250	41,250
2011	139	20	119	14.4	85.6	250	29,750
2012	86	31	55	36.0	64.0	250	13,750
<b>Jumlah</b>	<b>436</b>	<b>97</b>	<b>339</b>	<b>22.2</b>	<b>77.8</b>	<b>-</b>	<b>84,750</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

- d. Analisis Audit mendapati bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan menurun lebih daripada 30.0% setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2012. Manakala jumlah kompaun yang dijelaskan berbanding jumlah kompaun yang dikeluarkan adalah pada purata 22.2% bagi tahun 2010 hingga 2012. Peratus kompaun yang tidak dijelaskan adalah sebanyak 77.8% dengan anggaran sejumlah RM84,750. Mengikut Manual Prosedur Kerja Bahagian Penguatkuasaan, kertas siasatan perlu disediakan untuk kompaun yang tidak dijelaskan. Sehingga kini, kertas siasatan tidak disediakan untuk tindakan pendakwaan bagi kompaun yang tidak dijelaskan. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 7 April 2013, bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini belum ada kes yang dibawa ke peringkat mahkamah.**

Sementara itu Unit Undang-undang telah mengadakan kursus bagi menyediakan kertas siasatan untuk tindakan mahkamah.

**Jadual 1.8**

Prestasi Bayaran Kompaun Di Bahagian Penguatkuasaan MBKT

Tahun	Bilangan Kompaun Dikeluarkan	Bilangan Kompaun Yang Dijelaskan	Bilangan Kompaun Belum Dijelaskan	Kompaun Yang Dijelaskan (%)	Kadar Kompaun (RM)	Jumlah Anggaran (RM)
2010	211	46	165	21.8	250	41,250
2011	139	20	119	14.4	250	29,750
2012	86	31	55	36.0	250	13,750
<b>Jumlah</b>	<b>436</b>	<b>97</b>	<b>339</b>	<b>22.2</b>	-	<b>84,750</b>

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

- e. Berdasarkan **Jadual 1.8**, analisis Audit mendapati bilangan kompaun yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan menurun lebih daripada 30.0% setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2012. Manakala jumlah kompaun yang dijelaskan berbanding jumlah kompaun yang dikeluarkan adalah pada purata 22.2% bagi tahun 2010 hingga 2012. Mengikut Manual Prosedur Kerja Bahagian Penguatkuasaan, kertas siasatan perlu disediakan untuk kompaun yang tidak dijelaskan. Sehingga kini, kertas siasatan tidak disediakan untuk tindakan pendakwaan bagi kompaun yang tidak dijelaskan. Anggaran hasil kompaun tidak dapat dikutip adalah sejumlah RM84,750. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 7 April 2013, bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini belum ada kes yang dibawa ke peringkat mahkamah. Sementara itu Unit Undang-undang telah mengadakan kursus bagi menyediakan kertas siasatan untuk tindakan mahkamah.**

#### 1.4.6.2. Kompaun Tidak Dijelaskan Kepada MDM

- a. Bagi tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 734 bilangan kompaun telah dikeluarkan oleh MDM. Analisis Audit mendapati bilangan kompaun dikeluarkan pada tahun 2011 menurun sebanyak 104 iaitu 40.1% berbanding tahun 2010. Manakala pada tahun 2012 bilangan kompaun telah meningkat sebanyak 165 iaitu 106.5% berbanding tahun 2011. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 632 kompaun telah dibayar berjumlah RM41,661 dan 102 kompaun masih belum dijelaskan iaitu dianggarkan sebanyak RM25,500 seperti di **Jadual 1.9**.

**Jadual 1.9**

Statistik Kompaun Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Kompaun Dikeluarkan	Kompaun Yang Dijelaskan		Kompaun Belum Dijelaskan		
		Bilangan	Jumlah (RM)	Bilangan	Kadar Kompaun (RM)	Jumlah Anggaran (RM)
2010	259	221	11,370	38	250	9,500
2011	155	140	11,400	15	250	3,750
2012	320	271	18,891	49	250	12,250
<b>Jumlah</b>	<b>734</b>	<b>632</b>	<b>41,661</b>	<b>102</b>	-	<b>25,500</b>

Sumber: Majlis Daerah Marang

- b. Mengikut maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, kompaun yang dikenakan masih belum dibayar dan tindakan mahkamah tidak diambil kerana kekangan kakitangan untuk menyediakan pembuktian (*burden of proof*) serta banyak proses perlu dilakukan sebelum pendakwaan dilakukan. Walau bagaimanapun, tindakan segera akan diambil untuk mengeluarkan Surat Aku Janji Menjelaskan Bayaran Kompaun dan hendaklah dijelaskan kompaun tersebut dalam tempoh 14 hari. Seterusnya, sekiranya keingkaran masih berlaku, kertas siasatan akan disediakan untuk tindakan mahkamah.

#### 1.4.6.3. Lesen Diperbaharui Tanpa Menjelaskan Kompaun

- a. Peraturan MBKT dan MDM tidak menetapkan bahawa lesen perlu diperbaharui tanpa menjelaskan kompaun. Bagaimanapun, adalah wajar pelesen menjelaskan kompaun terlebih dahulu sebelum memperbaharui lesen. Ini adalah untuk memastikan pelesen peka terhadap kesilapan yang telah dilakukan dan tidak mengulanginya pada masa hadapan. Bagi tahun 2010 hingga 2012, 19 pelesen MBKT dan 4 pelesen MDM telah diluluskan pembaharuan lesen walaupun kompaun belum dijelaskan.
- b. Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, Bahagian Pelesenan tidak mempunyai sistem kompaun dan ini menyukarkan untuk mengenal pasti pelesen yang telah memperbaharui lesen tanpa menjelaskan kompaun. Sistem Pelesenan akan diintegrasikan dengan Sistem Kompaun bagi memastikan lesen tidak dapat diperbaharui sekiranya kompaun tidak dijelaskan.
- c. Mengikut maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, sebelum tahun 2013, Unit Pelesenan masih belum mempunyai mekanisme untuk merekod pelesen yang dikenakan kompaun. Sebagai langkah pencegahan bermula Januari 2013, Unit Pelesenan telah mengambil tindakan menyediakan Fail Salinan Kompaun Pelesenan (MDM 236/1/001/2013) di kaunter pelesenan bagi memudahkan PT(L) membuat semakan terhadap status kompaun pelesen sebelum lesen diperbaharui.

#### 1.4.6.4. Kadar Pengurangan Kompaun Tidak Ditetapkan

- a. Mengikut Seksyen 3(a) Undang-undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) seseorang individu boleh dikenakan kompaun tidak melebihi RM250 bagi setiap kesalahan. Apabila Tawaran Mengkompaun Suatu Kesalahan telah dikenakan kepada pelesen atas suatu sebab kesalahan maka pelesen boleh membuat rayuan tawaran kompaun secara lisan kepada MDM. MDM akan menimbangkan rayuan tersebut dan memutuskan kadar bayaran yang akan dikenakan. Pengurangan kadar kompaun boleh dilakukan oleh Yang Dipertua Majlis, Setiausaha (SU) dan Penolong Pegawai Undang-undang (PPUU). Semakan Audit mendapati undang-undang tidak menetapkan had kadar kompaun boleh dikurangkan oleh pegawai yang diberikan

kuasa. Semakan lanjut Audit terhadap 23 sampel kompaun mendapati MDM telah memberikan pengurangan antara 20% ke 80%.

- b. **Berdasarkan maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, sehingga kini tiada garis panduan bagi penetapan kadar pengurangan kompaun bagi pegawai yang telah diberikan kuasa. Sehubungan dengan itu, tindakan menetapkan kadar akan dilakukan dengan kadar segera sebagaimana berikut:**

**Kuasa Pengurangan Kadar Kompaun**

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kadar Pengurangan</b>
1.	Yang Dipertua	Kuasa mutlak untuk membatalkan/mengurangkan kompaun (tanpa had)
2.	Setiausaha	50% daripada harga kompaun ditawarkan
3.	Pembantu Pegawai Undang-Undang	30% daripada harga kompaun ditawarkan

Sumber: Majlis Daerah Marang

**Pada pendapat Audit, MBKT dan MDM perlu mengambil tindakan terhadap kompaun yang masih belum dijelaskan dan memastikan kompaun dijelaskan terlebih dahulu sebelum lesen diperbaharui.**

#### **1.4.7. Undang-undang Kecil Baru Tidak Diwartakan Dan Dikuatkuasakan**

**1.4.7.1.** Bagi melaksanakan pengurusan pelesenan, pihak MBKT dan MDM telah menggunakan pakai Undang-undang Kecil serta Enakmen-enakmen berkaitan bagi mengenakan lesen terhadap semua jenis perniagaan. Antaranya ialah Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut, Undang-undang Kecil Penjaja, Undang-undang Kecil Pasar, Enakmen Rumah Tumpangan dan beberapa Undang-undang Kecil yang lain. Kadar fi yang digunakan pakai adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Undang-undang serta Enakmen tersebut yang mana menetapkan kadar bagi pelbagai jenis lesen perniagaan serta bayaran lain yang perlu dikenakan kepada pemilik perniagaan.

**1.4.7.2.** Semakan Audit mendapati MBKT dan MDM masih lagi menggunakan pakai Enakmen Rumah Tumpangan 1948 tetapi belum dikemas kini bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, Enakmen Rumah Tumpangan telah disiapkan dan akan dibentangkan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada masa terdekat sebagaimana minit mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri Terengganu kali ke 10/2012 pada 22 Oktober 2012.**

**1.4.7.3.** Selain itu, Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MBKT dan MDM telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 15 Februari 2012 dan tarikh dikuatkuasa belum ditentukan lagi.

**1.4.7.4.** MDM belum menggubal Undang-undang Kecil Establisymen Makanan dan Pengendali Makanan bagi melesen dan mengawal selia premis-premis makanan dan minuman sebagaimana Seksyen 72(1)(c)(i) Akta. Bagaimanapun, MDM telah menggunakan dasar-dasar Establisymen Makanan yang telah diluluskan melalui Mesyuarat Majlis pada 27 Ogos 2002.

**1.4.7.5. Berdasarkan maklum balas MDM bertarikh 15 Mei 2013, MDM belum menggubal Undang-undang Kecil Establisymen Makanan dan Pengendali Makanan kerana Undang-undang Kecil Establisymen Makanan dalam tindakan penyemakan Jawatankuasa Semakan Undang-undang Kecil PBT.**

Pada pendapat Audit, Undang-undang Kecil MBKT dan MDM yang baru perlu dikuatkuaskan untuk memastikan hasil lesen dapat dikutip dan penguatkuasaan dapat dijalankan selaras dengan perkembangan ekonomi semasa serta menjamin kepentingan Majlis. Perkara ini akan direkodkan dalam Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard*).

#### **1.4.8. Pengurusan Rekod Kurang Memuaskan Di MBKT**

Arahan Perbendaharaan 67 menggariskan, semua buku resit/borang hasil yang diterima dan dikeluarkan hendaklah direkodkan dengan sempurna dalam Daftar Borang Hasil (Buku Stok/Daftar Kew.67). Daftar Borang Hasil mengikut bentuk yang ditetapkan menunjukkan semua stok lesen yang diterima dan dikeluarkan mestilah diselenggarakan. Hanya lesen/borang-borang hasil yang sebenarnya dikehendaki bagi kegunaan serta-merta dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul sebagaimana Arahan Perbendaharaan 66(c). Manakala Arahan Perbendaharaan 68 menyatakan semua buku resit rasmi, stok lesen apabila tidak digunakan hendaklah disimpan di tempat yang berkunci dan selamat.

##### **1.4.8.1. Pengeluaran Notis Kesalahan (Kompaun) Tidak Mengikut Turutan**

Semakan Audit mendapati buku notis kesalahan yang belum digunakan telah didaftarkan dalam Kew.67-Pin.1/84 untuk merekodkan penerimaan, pengeluaran serta baki yang ada dan telah disimpan dalam bilik berkunci di Bahagian Penguatkuasaan. Bagaimanapun perekodannya tidak mengikut turutan seperti di **Jadual 1.10**. Semakan lanjut Audit mendapati semasa membuat pesanan, MBKT tidak menyatakan nombor siri buku yang patut dicetak pada Pesanan Kerajaan. Nombor siri yang perlu dicetak dimaklumkan secara lisan sahaja tanpa merujuk kepada buku daftar. Pengeluaran Notis Kesalahan (Kompaun) yang tidak mengikut turutan boleh menyebabkan salah guna buku notis kesalahan dan kurang kawalan terhadap buku notis kesalahan. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, Bahagian Penguatkuasaan telah mengemaskini kesemua buku notis kompaun ke dalam buku daftar Kew.67-Pin.1/84 dan telah memaklumkan kepada pembekal supaya mencetak dan menghantar buku notis kompaun tersebut mengikut turutan yang betul.**

**Jadual 1.10**  
**Penerimaan Dan Pengeluaran Buku Kompaun Tidak Mengikut Turutan**

Bil.	Jenis Notis Kesalahan	Tarikh Diterima	Nombor Siri	Tarikh Dikeluarkan
1.	AKT Bahagian Pelesenan	19.01.2010	022801 - 022850	Tidak Dinyatakan
		28.02.2010	023001 - 023050	17.03.2010
2.	AKT Bahagian Pelesenan	22.03.2010	023951 - 024000	19.07.2010
		21.09.2010	027501 - 027550	22.09.2010
3.	AKT Bahagian Pelesenan	21.09.2010	028951 - 029000	22.08.2011
		22.09.2011	032451- 032500	26.09.2011
4.	AKT Bahagian Penguatkuasaan	22.06.2010	022951- 023000	Belum dikeluarkan lagi
		28.07.2010	024001 - 024050	28.07.2010
5.	AKT Bahagian Penguatkuasaan	28.07.2010	025451 - 025500	15.01.2012
		28.09.2010	031701 - 031750	26.03.2012
6.	AKT Bahagian Penguatkuasaan	28.09.2010	032401 - 032450	Belum dikeluarkan lagi
		23.12.2010	029001 - 029050	Belum dikeluarkan lagi

Sumber: Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

Nota: AKT-Notis Kesalahan Di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1971

#### 1.4.8.2. Daftar Sijil Lesen Dan Pelekot Iklan Tidak Disediakan

Semakan Audit mendapati daftar sijil lesen dan pelekot iklan tidak disediakan untuk tujuan kawalan merekodkan butiran penerimaan dan pengeluaran. Daftar tersebut perlu sekurang-kurangnya mengandungi maklumat seperti nombor pesanan, nama penerima/pengeluar, tarikh keluar/masuk serta bilangan diterima/keluar serta baki. Bagaimanapun, sijil lesen dan pelekot iklan disimpan di tempat yang selamat. **Mengikut maklum balas MBKT bertarikh 30 Mei 2013, kesemua pelekot iklan yang diterima direkod oleh Pembantu Tadbir Kanan Pelesenan di dalam buku Daftar Stok Bekalan Pejabat.**

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod kurang memuaskan kerana buku notis kesalahan dikeluarkan tidak mengikut turutan dan daftar tidak diselenggarakan untuk sijil lesen dan pelekot iklan.

#### 1.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan MBKT dan MDM mengambil langkah-langkah berikut:

**1.5.1.** Mempertingkatkan pengurusan proses permohonan dan pemberitahuan keputusan serta memastikan prosedur kerja pengeluaran lesen dipatuhi.

**1.5.2.** MBKT hendaklah memastikan hasil kutipan lesen diakaunkan dengan sempurna bagi menggambarkan kedudukan sebenar hasil Majlis.

**1.5.3.** Pemantauan dan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan bagi memastikan setiap peniaga mempunyai lesen serta memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi dan tahap kebersihan terpelihara. Pemutihan perlu dilakukan untuk mengelakkan peniaga daripada berniaga tanpa lesen.

**1.5.4.** Pihak MBKT sepatutnya mengambil tindakan penguatkuasaan untuk merobohkan papan tanda yang tidak mempunyai lesen bagi mengelakkan pemasangan papan tanda tanpa lesen berleluasa.

**1.5.5.** MBKT dan MDM perlulah mengambil tindakan terhadap kompaun yang masih belum dijelaskan dan memastikan kompaun dijelaskan terlebih dahulu sebelum lesen diperbaharui.

## **YAYASAN TERENGGANU**

### **2. PENGURUSAN PINJAMAN PELAJARAN**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Yayasan Terengganu (YT) ditubuhkan pada 1 Mei 1972 di bawah Enakmen Terengganu Bil. 9 Tahun 1972 dengan matlamat utama untuk meningkat, memaju dan memperkembangkan peluang serta kemajuan pelajar rakyat Terengganu dan warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Terengganu melalui pemberian Biasiswa/Pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Mulai tahun 2005, YT juga telah mengadakan Skim Pelajar Cemerlang di mana 10 pelajar terbaik negeri dipilih setiap tahun dengan menawarkan biasiswa ke universiti terkemuka dunia. Pinjaman tanpa faedah yang diberi boleh ditukar kepada biasiswa atau pengurangan bayaran balik pinjaman berdasarkan keputusan peperiksaan peminjam.

**2.1.2.** YT diterajui oleh Lembaga Pemegang-pemegang Amanah Yayasan Terengganu yang diwujudkan di bawah Seksyen 5 Enakmen Terengganu Bilangan 9 Tahun 1972. Lembaga ini dipengerusikan oleh Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Timbalan Pengurus dan 8 ahli yang mana salah seorang ahli adalah Pegawai Kewangan Negeri. YT ditadbir oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh 2 orang Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Timbalan Pengarah (Pendidikan) serta 8 bahagian yang mempunyai fungsi masing-masing. Pengurusan pinjaman pelajaran diuruskan oleh Bahagian Tajaan manakala Bahagian Bayaran Balik bertanggungjawab menguruskan kutipan bayaran balik.

**2.1.3.** Jumlah pinjaman bagi dalam negara yang ditawarkan adalah mengikut taraf pusat pengajian iaitu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) dan Politeknik yang merangkumi peringkat Sijil, Diploma, Ijazah, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) iaitu di antara RM1,500 hingga RM14,000 setahun. Manakala jumlah pinjaman luar negara yang ditawarkan bergantung kepada kadar yuran dan kos sara hidup pelajar di antara RM6,000 hingga RM200,000 setahun. Kadar dan tempoh bayaran balik adalah bergantung kepada jumlah pinjaman dan peringkat kursus iaitu di antara 3 hingga 20 tahun. YT telah membelanjakan sejumlah RM149.90 juta daripada RM223.20 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2010 hingga 2012 untuk membiayai pinjaman pelajaran. Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman pelajaran diperolehi daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan kutipan hasil YT termasuk kutipan bayaran balik pinjaman. Sehingga Februari 2013, seramai 19,223 peminjam terlibat dengan bayaran balik pinjaman berjumlah RM208.10 juta.

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pinjaman pelajaran telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan pinjaman pelajaran bagi tahun 2010 hingga 2012. Semakan dijalankan terhadap rekod pinjaman seperti fail minit mesyuarat, lejar, fail individu dan rekod kewangan bagi tempoh tersebut. Selain itu, analisis data, perbincangan dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga dibuat.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Pinjaman Pelajaran di YT adalah memuaskan dan telah memberi faedah kepada rakyat Negeri Terengganu yang memerlukan bantuan kewangan bagi menampung kos pengajian. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pengurusan pinjaman pelajaran seperti berikut:

- Sasaran peminjam tidak tercapai.
- Kecekapan memproses permohonan dan tempoh penerimaan tawaran tidak dapat dinilai.
- Dokumen perjanjian pinjaman belum/lewat dikemukakan kepada peminjam dan penjamin.
- Surat tuntutan pertama, surat peringatan, notis tuntutan dan saman belum/lewat dikeluarkan kepada peminjam dan penjamin.
- Bayaran masih dibuat walaupun keputusan peperiksaan tidak dikemukakan.
- *Backup* data tidak disimpan di bangunan berasingan.

### **2.4.1. Sasaran**

#### **2.4.1.1. Keperluan Kewangan Mencukupi**

- a. Sumber kewangan bagi pinjaman pelajaran YT diperoleh melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan kutipan hasil YT termasuk kutipan bayaran balik pinjaman. Peruntukan dan perbelanjaan pinjaman bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pinjaman Pelajaran**  
**Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Peruntukan Pinjaman (RM)	Perbelanjaan Pinjaman (RM)	Peratus Belanja (%)
2010	77,414,200	46,716,304	60.4
2011	63,837,700	51,217,099	80.2
2012	81,972,700	51,984,811	63.4
<b>Jumlah</b>	<b>223,224,600</b>	<b>149,918,214</b>	<b>67.2</b>

Sumber: Yayasan Terengganu

- b. Berdasarkan **Jadual 2.1** di atas, didapati peratusan perbelanjaan pinjaman pelajaran berbanding peruntukan adalah sederhana iaitu sekitar 60% bagi tahun 2010 dan 2012 manakala bagi tahun 2011 sebanyak 80%. Berdasarkan analisis tersebut, YT berkemampuan untuk memberikan pinjaman kepada lebih ramai pelajar yang berkelayakan.

#### 2.4.1.2. Sasaran Peminjam Tidak Tercapai

- a. YT telah menetapkan sasaran peminjam untuk memberikan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Negeri Terengganu Darul Iman berdasarkan kepada salah seorang ibu atau bapa pelajar berkenaan lahir di Negeri Terengganu. Selain itu, pemohon atau ibu bapa yang bukan rakyat Negeri Terengganu tetapi telah bermastautin lebih daripada 10 tahun di Negeri Terengganu boleh memohon dengan mengemukakan surat akuan bermastautin dan bukti lain yang disahkan. Bagaimanapun pelajar perlu mendapatkan tawaran pengajian daripada institusi dalam dan luar negara. Penajaan pinjaman ditetapkan kepada pelajar yang tidak mendapat pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
- b. Setiap tahun YT menetapkan sasaran bilangan pelajar berdasarkan jumlah peruntukan yang ada. Analisis Audit terhadap bilangan pelajar yang mendapat pinjaman pelajaran berdasarkan kepada Laporan Bilangan Penuntut YT Yang Ditaja diperoleh melalui Sistem Maklumat Bersepadu YT berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.2** dan pecahan mengikut bilangan pelajar dalam negeri dan luar negara adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.2**  
**Bilangan Pelajar Yang Mendapat Tajaan YT**  
**Berbanding Sasaran Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Bilangan Pelajar		Peratus Peminjam (%)
	Sasaran	Sebenar	
2010	3,823	1,991	52.1
2011	2,820	1,789	63.4
2012	2,821	1,321	46.8
<b>Jumlah</b>	<b>9,464</b>	<b>5,101</b>	<b>53.9</b>

Sumber: Yayasan Terengganu

**Jadual 2.3**

**Bilangan Pelajar Yang Mendapat Tajaan YT Mengikut Pecahan Dalam Negeri Dan Luar Negara Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Dalam Negeri			Luar Negara		
	Sasaran	Sebenar	Peratus Peminjam (%)	Sasaran	Sebenar	Peratus Peminjam (%)
2010	3,578	1,775	49.6	245	216	88.2
2011	2,570	1,599	62.2	250	190	76.0
2012	2,570	1,180	45.9	251	141	562
<b>Jumlah</b>	<b>8,718</b>	<b>4,554</b>	<b>52.2</b>	<b>746</b>	<b>547</b>	<b>73.3</b>

Sumber: Yayasan Terengganu

- c. Berdasarkan **Jadual 2.3** di atas didapati prestasi penajaan dalam negeri dan luar negara adalah sederhana baik bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 di mana daripada 8,718 peminjam yang disasarkan bagi dalam negeri sebanyak 4,554 peminjam telah diberi pinjaman (52.2%) dan bagi luar negara daripada 746 peminjam yang disasarkan sebanyak 547 telah diberi pinjaman (73.3%). Peratus peminjam yang rendah bagi pinjaman dalam negeri adalah disebabkan antaranya jumlah pinjaman yang diberikan oleh YT adalah lebih rendah berbanding PTPTN dan syarat pemberian pinjaman yang menetapkan pemohon perlu mengemukakan surat penolakan daripada PTPTN. Pinjaman luar negara pula diberikan kepada permohonan pelajar-pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan sebagainya dan kadar pinjaman adalah meliputi kos yuran dan sara hidup. **Mengikut maklum balas YT bertarikh 16 Mei 2013, memaklumkan bahawa berdasarkan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, bidang pendidikan adalah merupakan komitmen Kerajaan Persekutuan sepenuhnya. Justeru itu, tugas Kerajaan Negeri melalui YT hanya sebagai pelengkap kepada penaja Persekutuan iaitu PTPTN.** Oleh sebab itu, pengurusan YT mengutamakan pinjaman kepada pemohon yang ditolak atau tidak mendapat penajaan Persekutuan iaitu PTPTN, JPA, MARA dan badan penaja yang lain. **Keperluan kepada surat penolakan oleh PTPTN ialah untuk mengelakkan keskes penipuan dan pelajar mendapat 2 penajaan dalam masa yang sama.**
- d. Secara keseluruhannya YT didapati berkemampuan untuk menaja lebih ramai pelajar kerana peratusan peminjam masih rendah berbanding sasaran yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar permohonan pinjaman yang diterima kerana permohonan tersebut tidak didaftarkan dan borang permohonan yang ditolak tidak disimpan. Perkara ini juga menyebabkan kesukaran pihak Audit untuk mengkaji sebab-sebab penolakan yang diputuskan. **Mengikut maklum balas YT bertarikh 16 Mei 2013, pihak pengurusan YT akan mengambil tindakan selaras dengan syor Audit iaitu mendaftarkan semua permohonan yang diterima supaya bilangan sebenar permohonan yang memerlukan pinjaman dikenal pasti berbanding yang berjaya ditawarkan atau yang gagal dipertimbangkan.**

#### 2.4.1.3. Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Baik

- a. Semakan Audit mendapati YT ada menetapkan sasaran kutipan bayaran balik pinjaman pada setiap tahun. Analisis Audit terhadap kutipan bayaran balik pinjaman berbanding sasaran kutipan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**

**Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Berbanding Sasaran Kutipan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Kutipan Bayaran Balik Pinjaman		
	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	Kutipan (%)
2010	15,050,000	13,607,128	90.4
2011	16,200,000	13,521,128	83.5
2012	14,400,000	14,034,658	97.5
<b>Jumlah</b>	<b>45,650,000</b>	<b>41,162,914</b>	<b>90.2</b>

Sumber: Yayasan Terengganu

- b. Berdasarkan **Jadual 2.4** di atas menunjukkan purata kutipan bayaran balik pinjaman berbanding sasaran kutipan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah tinggi iaitu 90.2% di mana sejumlah RM41.16 juta berjaya dikutip berbanding sasaran kutipan berjumlah RM45.65 juta. Walaupun berlaku sedikit penurunan kutipan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 sebanyak 0.6%, tetapi pada tahun 2012 kutipan telah meningkat sebanyak 3.8% berbanding kutipan tahun 2011.
- c. Peningkatan kutipan bayaran balik pinjaman adalah juga disebabkan pelaksanaan 2 strategi iaitu strategi pertama adalah dengan mendidik peminjam tentang tanggungjawab membayar balik pinjaman yang dijalankan melalui pelbagai kaedah pembayaran bagi memudahkan peminjam dan Bahagian Bayaran Balik. Tindakan undang-undang akan diambil sebagai jalan terakhir sekiranya peminjam masih ingkar membuat bayaran balik pinjaman. Strategi ke 2 pula ialah meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan bayaran balik iaitu mewujudkan Sistem Pengesahan Fail di mana fail peminjam dapat dikesan dalam masa kurang satu minit bagi memudahkan peminjam yang berurus di kaunter ataupun melalui telefon.
- d. YT ada memberi pengecualian atau pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran kepada peminjam. Pengecualian diberikan kepada peminjam yang dilaporkan meninggal dunia atau mengalami penyakit kritikal/hilang upaya kekal manakala penghapusan dan pengurangan juga diberikan kepada peminjam yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang. Di samping itu, rebat antara 10% hingga 18% daripada jumlah pinjaman diberikan kepada peminjam yang menjelaskan kesemua pinjaman dalam tempoh satu hingga 4 tahun. Butiran terperinci mengenai hapus kira bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5****Hapus Kira Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Kematian		Cemerlang		Rebat	
	Bilangan Peminjam	Jumlah Dihapskira (RM)	Bilangan Peminjam	Jumlah Dihapskira (RM)	Bilangan Peminjam	Jumlah Dihapskira (RM)
2010	-	-	214	987,432	2	2,252
2011	1	11,000	303	1,877,007	36	60,661
2012	2	30,500	431	6,843,801	53	87,498
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>41,500</b>	<b>948</b>	<b>9,708,241</b>	<b>91</b>	<b>150,411</b>

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat, YT

Pada pendapat Audit, Yayasan Terengganu mempunyai kemampuan yang tinggi untuk memberi pinjaman kepada lebih ramai pelajar berdasarkan kepada hanya 67.2% peruntukan dibelanjakan dan 53.9% pelajar diberi pinjaman daripada jumlah yang disasarkan.

#### 2.4.2. Pengurusan Permohonan Dan Dokumen Perjanjian

YT telah menetapkan setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Pinjaman Pelajaran yang diperoleh melalui kaunter YT dan secara atas talian. Semakan terhadap prosedur permohonan mendapati perkara berikut:

##### 2.4.2.1. Kecekapan Memproses Permohonan Tidak Dapat Dinilai

Plagam Pelanggan Bahagian Tajaan menetapkan bahawa tempoh memproses borang permohonan dalam negara adalah selama sebulan manakala 2 bulan bagi permohonan luar negara iaitu dari tarikh terima permohonan sehingga surat tawaran dikeluarkan. Pihak Audit tidak dapat menilai sama ada permohonan diproses dalam tempoh yang ditetapkan kerana tarikh penerimaan borang permohonan tidak dicatat dan didaftarkan.

##### 2.4.2.2. Tempoh Penerimaan Tawaran Tidak Dapat Ditentukan

Mengikut syarat-syarat tawaran pinjaman, pelajar yang menerima tawaran dikehendaki mengembalikan surat penerimaan tawaran berserta dokumen perjanjian pinjaman dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat tawaran. Pihak Audit tidak dapat menilai sama ada penerimaan tawaran oleh pelajar dibuat dalam tempoh yang ditetapkan kerana tarikh penerimaan tawaran tidak dicatatkan. **Mengikut maklum balas YT bertarikh 16 Mei 2013, pihak pengurusan YT akan mengambil tindakan seperti syor Audit iaitu mendaftarkan semua penerimaan permohonan pinjaman dan tarikh penerimaan tawaran bagi membolehkan piagam pelanggan yang telah ditetapkan dinilai.**

##### 2.4.2.3. Dokumen Perjanjian Pinjaman Belum/Lewat Dikemukakan Kepada Peminjam Dan Penjamin

Surat perjanjian yang lengkap dan telah ditandatangani oleh peminjam, 2 penjamin dan pegawai yang diberi kuasa hendaklah dikembalikan semula kepada peminjam dan

penjamin. YT tidak menetapkan tempoh sepatutnya dokumen perjanjian pinjaman perlu dikemukakan kepada peminjam dan penjamin. Semakan Audit terhadap 100 fail pinjaman pelajaran mendapati perkara berikut:

- Dokumen Perjanjian bagi 31 fail peminjam masih belum dikemukakan kepada peminjam dan penjamin iaitu 12 fail bagi tahun 2012, 13 fail bagi tahun 2011 dan 6 fail bagi tahun 2010 di mana 3 daripada peminjam tersebut telah tamat pengajian seperti di **Jadual 2.6**. Manakala 28 fail peminjam yang belum mengemukakan dokumen perjanjian kepada peminjam dan penjamin antaranya seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.6**

**Dokumen Perjanjian Masih Belum Dikemukakan Kepada Peminjam Dan Penjamin Yang Telah Tamat Pengajian**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh Perjanjian	Tarikh Akhir Bayaran Pembentangan	Tamat Pengajian
1.	YAS.TR.01/10/5/256	83,773	23.06.2010	01.07.2010	Akhir Tahun 2011
2.	YAS.TR.SJ UMP 12	8,000	25.01.2011	03.03.2011	Akhir Tahun 2011
3.	YAS.TR.01/10/5/270	178,575	26.09.2010	14.06.2011	Awal Tahun 2012

Sumber: Bahagian Tajaan, YT

**Jadual 2.7**

**Dokumen Perjanjian Belum Dikembalikan Kepada Peminjam Dan Penjamin**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh Perjanjian
1.	YAS.TR.UITM SA 130	16,500	10.05.2010
2.	YAS.TR.01/10/5/302	67,200	04.07.2010
3.	YAS.TR.UIA.445	22,000	17.08.2010
4.	YAS.TR.01/10/5/271	286,680	06.10.2010
5.	YAS.TR.01/10/46/165	382,381	22.05.2011
6.	YAS.TR.01/10/46/151	382,381	22.05.2011
7.	YAS.TR.01/10/46/149	382,381	24.05.2011
8.	YAS.TR.01/10/46/171	382,381	29.05.2011
9.	YAS.TR.01/10/46/131	382,381	30.05.2011
10.	YAS.TR.01/10/46/109	281,635	31.05.2011

Sumber: Bahagian Tajaan, YT

- Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian yang terlibat masih belum dilengkapkan sepenuhnya oleh pihak YT iaitu tidak ada tandatangan Pengarah YT.
- Sebanyak 69 dokumen perjanjian telah dikembalikan kepada peminjam dan penjamin di mana 32 dokumen perjanjian tidak dapat ditentukan tarikh penghantaran kerana tidak dicatatkan tarikh manakala 37 dokumen perjanjian dikemukakan dalam tempoh 28 hingga 1,246 hari. Antara fail peminjam yang dikemukakan dokumen perjanjian melebihi setahun adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8****Dokumen Perjanjian Dikemukakan Kepada Peminjam Dan Penjamin Melebihi Setahun**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh Perjanjian (a)	Tarikh Hantar Dokumen Perjanjian (b)	Tempoh (b)-(a) (Hari)
1.	YAS.TR.01/10/46/14	331,475	22.09.2008	19.02.2012	1,246
2.	YAS.TR.UITM PH 6	13,800	19.07.2009	07.08.2012	1,116
3.	YAS.TR.UITM PH 10	13,800	27.01.2010	07.10.2012	985
4.	YAS.TR.UITM SA 101	18,000	17.03.2010	14.10.2012	943
5.	YAS.TR.UITM PH 11	13,800	08.03.2010	03.09.2012	911
6.	YAS.TR.UIA 442	5,500	26.08.2010	19.02.2013	909
7.	YAS.TR.UIA 450	4,600	19.09.2010	19.02.2013	885
8.	YAS.TR.UIA 462	22,000	17.10.2010	31.12.2012	807
9.	YAS.TR.01/10/46/43	371,555	03.06.2010	23.07.2012	782
10.	YAS.TR.01/10/46/44	371,555	08.06.2010	18.07.2012	772

Sumber: Bahagian Tajaan, YT

- d. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan mengemukakan dokumen perjanjian kepada peminjam dan penjamin antaranya adalah disebabkan oleh pertukaran kakitangan secara dalaman dan Nota Serah Tugas tidak disediakan menyebabkan pegawai yang mengambil alih tugas tidak mengetahui kerja yang masih tertangguh.
- e. **Mengikut maklum balas YT bertarikh 16 Mei 2013, pihak pengurusan YT akan menetapkan tempoh pemulangan semula dokumen perjanjian yang telah ditandatangani kepada peminjam dan penjamin yang akan dinyatakan dalam Standard Prosedur Kerja (SOP).**

**Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan dan dokumen perjanjian adalah tidak memuaskan kerana dokumen perjanjian belum/lewat dikemukakan kepada peminjam dan penjamin.**

#### **2.4.3. Pengurusan Kutipan Balik Pinjaman**

Kutipan bayaran balik pinjaman akan berkuat kuasa selepas 6 bulan dari tarikh tamat pengajian. Fail pinjaman yang telah tamat pengajian/tempoh pinjaman akan diedarkan ke Bahagian Bayaran Balik bagi tujuan tuntutan bayaran balik. Kadar bayaran dan tempoh bayaran balik adalah berdasarkan kepada jadual yang akan dikemukakan kepada peminjam apabila tamat pengajian. Kutipan bayaran balik akan dikutip sekali gus sekiranya peminjam gagal menamatkan pengajian atau atas sebab yang dilakukan sendiri oleh peminjam seperti melakukan kesalahan yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang. Kaedah bayaran balik pinjaman adalah secara bayaran tunai di kaunter YT, cek, kiriman wang pos, potongan gaji dan perbankan *internet* bagi memudahkan peminjam membuat pembayaran. Sehingga Februari 2013, seramai 19,223 peminjam terlibat dengan bayaran balik pinjaman berjumlah RM208.12 juta. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan bayaran balik pinjaman mendapati perkara berikut:

#### 2.4.3.1. Surat Tuntutan Pertama Belum/Lewat Dikeluarkan

- a. Perjanjian pinjaman menetapkan pinjaman hendaklah dibayar balik dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Semakan Audit terhadap 100 fail pinjaman di Bahagian Tajaan mendapati 22 fail peminjam yang tamat pengajian di mana satu peminjam bagi tahun 2010, 16 peminjam bagi tahun 2011 dan 5 peminjam bagi tahun 2012 masih belum diedarkan ke Bahagian Bayaran Balik untuk tindakan pengeluaran surat tuntutan pertama. Fail peminjam yang terlibat antaranya seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**

**Fail Peminjam Yang Telah Tamat Pengajian Masih Belum Diedarkan Ke Bahagian Bayaran Balik**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh Perjanjian	Tarikh Akhir Bayaran Pembiayaan	Tamat Pengajian (Tahun)
1.	YAS.TR. SJ USM 31	8,000	19.10.2009	23.11.2009	2010
2.	YAS.TR.1/5/60/90	14,700	05.09.2007	28.07.2010	2011
3.	YAS.TR.SJ UMP 10	12,000	04.09.2010	13.12.2010	2011
4.	YAS.TR.SJ USM 34	12,000	17.11.2009	23.06.2010	2011
5.	YAS.TR.SJ.USM 27	16,000	04.09.2009	12.12.2010	2011
6.	YAS.TR.SJ USM 32	7,000	03.11.2009	12.12.2010	2011
7.	YAS.TR.SJ USM 36	12,000	23.09.2010	12.12.2010	2011
8.	YAS.TR.KUSTEM1589	22,000	26.08.2007	06.12.2010	2011
9.	YAS.TR.SJ USM 26	16,000	27.07.2009	12.12.2010	2011
10.	YAS.TR.SJ USM 29	12,000	17.10.2009	23.06.2010	2011

Sumber: Bahagian Tajaan, YT

- b. Selain itu, semakan Audit terhadap 100 fail peminjam di Bahagian Bayaran Balik yang terdiri daripada 20 fail peminjam yang belum dikeluarkan surat tuntutan pertama dan 80 fail peminjam yang telah dikeluarkan surat tuntutan pertama mendapati tempoh kelewatkan pengeluaran surat tuntutan pertama adalah di antara 93 hari hingga 1,508 hari bagi 26 fail peminjam. Kelewatan mengeluarkan surat tuntutan pertama menyebabkan YT lewat mendapat kutipan bayaran balik pinjaman. Fail peminjam yang terlibat antaranya seperti **Jadual 2.10** dan **Jadual 2.11**.

**Jadual 2.10**

**Surat Tuntutan Pertama Belum Dikeluarkan Setakat 1 Mac 2013**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh Akhir Bayaran Pembiayaan	Tarikh Surat Tuntutan Pertama Patut Dikeluarkan	Tempoh Kelewatkan Sehingga 01/03/2013 (Hari)
1	YAS.TR.01/10/46/9	89,076	10.04.2008	10.04.2009	1,422
2	YAS.TR.01/10/46/3	180,448	20.06.2009	20.06.2010	986
3	YAS.TR.01/10/47/5	157,982	22.11.2009	22.11.2010	831
4	YAS.TR.SJS 29	10,000	30.06.2009	31.12.2010	792
5	YAS.TR.SJS 27	10,000	30.06.2009	31.12.2010	792
6	YAS.TR.UITM SA 68	2,750	28.02.2010	28.02.2011	733
7	YAS.TR.UITM SA 74	2,750	30.06.2010	30.06.2011	611
8	YAS.TR.1/24/1764	22,000	30.06.2010	30.06.2011	611
9	YAS.TR.UITM SA 86	2,300	30.06.2010	30.06.2011	611
10	YAS.TR.001/10/47/8	171,528	31.08.2010	31.08.2011	549

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

**Jadual 2.11****Kelewatan Mengemukakan Surat Tuntutan Pertama Kepada Peminjam**

Bil.	No. Fail	Tarikh Akhir Bayaran Pembiayaan	Tarikh Surat Tuntutan Pertama Patut Dikeluarkan (a)	Tarikh Surat Tuntutan Pertama (b)	Tempoh Lewat (Hari) (b)-(a)
1.	YAS.TR.01/11/9576	30.06.2006	30.06.2007	15.08.2011	1,508
2.	YAS.TR.001/5/44/3/94	30.06.2005	30.06.2006	19.01.2010	1,300
3.	YAS.TR.1/52/2/11	30.06.2004	30.06.2005	13.01.2008	928
4.	YAS.TR.1/52/2/8	30.06.2004	30.06.2005	13.01.2008	928
5.	YAS.TR.SJ 665	31.12.2006	31.12.2007	30.05.2010	882
6.	YAS.TR.01/52/2/32	30.06.2009	30.06.2010	05.11.2012	860
7.	YAS.TR.01/11/9575	30.06.2008	30.06.2009	15.08.2011	777
8.	YAS.TR.01/52/20/5	30.06.2009	30.06.2010	24.06.2012	725
9.	YAS.TR.SJ 624	30.06.2007	30.06.2008	14.06.2010	715
10.	YAS.TR.1204 DS 3	30.06.2006	30.06.2007	08.02.2009	590

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

**2.4.3.2. Surat Peringatan Belum/Lewat Dikeluarkan**

Prosedur Kerja di Bahagian Bayaran Balik tidak menetapkan tempoh di antara surat peringatan pertama, kedua dan seterusnya hingga peringatan terakhir patut dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 80 fail peminjam yang telah dikeluarkan surat tuntutan pertama mendapati 24 peminjam telah gagal membuat bayaran di mana 7 peminjam tidak dikeluarkan surat peringatan dan 17 peminjam dikeluarkan surat peringatan melebihi setahun. Fail peminjam yang terlibat antaranya seperti **Jadual 2.12** dan **Jadual 2.13**.

**Jadual 2.12****Surat Peringatan Pertama Belum Dikeluarkan Setakat 1 Mac 2013**

Bil.	Fail Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh Surat Tuntutan Pertama	Baki Pinjaman (RM)	Tempoh Kelewatan Sehingga 01/03/2013 (Hari)
1.	YAS.TR. 1204 DS3	3,994	08.02.2009	3,994	1,482
2.	YAS.TR. 604 DS 2	7,800	14.05.2009	7,750	1,387
3.	YAS.TR. 1/11/9576	2,250	15.08.2011	2,250	564
4.	YAS.TR. 01/52/20/13	56,000	24.06.2012	56,000	250
5.	YAS.TR. 01/52/20/5	35,000	24.06.2012	35,000	250
6.	YAS.TR. UITM SA 24	14,250	20.03.2012	14,250	346
7.	YAS.TR. UITM SJ 38	16,000	25.01.2012	16,000	401

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

**Jadual 2.13****Surat Peringatan Pertama Dikeluarkan Melebihi Setahun**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh		Tempoh Lewat (Hari) (b)-(a)	Baki Pinjaman (RM)
			Surat Tuntutan Pertama (a)	Surat Peringatan Pertama (b)		
1.	YAS.TR.602 PS	3,000	01.12.2005	14.12.2011	2,205	2,000
2.	YAS.TR.601 PP 62	7,000	13.08.2006	16.04.2012	2,074	5,668
3.	YAS.TR.01/5/46/5991	23,600	05.09.2007	12.10.2011	1,499	21,810
4.	YAS.TR.PHD 30	30,000	30.09.2010	11.12.2012	804	30,000
5.	YAS.TR.01/5/46/5728	9,000	01.01.2008	02.03.2010	792	9,000
6.	YAS.TR.UUM 357	16,500	30.09.2010	28.11.2012	791	16,500
7.	YAS.TR.UUM 344	6,000	30.09.2010	28.11.2012	791	6,000
8.	YAS.TR.605 DP 33	3,800	28.04.2010	07.06.2012	772	3,800
9.	YAS.TR.SJ 624	17,000	14.06.2010	09.07.2012	757	17,000
10.	YAS.TR.UUM 357	16,500	30.09.2010	28.11.2012	731	16,500

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

**2.4.3.3. Tindakan Perundangan**

Perjanjian pinjaman menetapkan YT berhak membuat tuntutan/mendakwa peminjam bagi menuntut balik pinjaman atau mana-mana wang yang masih terhutang. Tindakan perundangan akan dikenakan ke atas peminjam yang gagal membuat bayaran balik setelah beberapa peringatan dikeluarkan kepada peminjam dan penjamin. YT telah melantik 19 firma guaman untuk menguruskan tindakan undang-undang terhadap peminjam yang ingkar membuat bayaran balik pinjaman. Tindakan guaman yang boleh diambil adalah mengeluarkan notis tuntutan, saman, penghakiman, saman penghutang penghakiman, waran tangkap, bankrap dan sita. Semakan Audit terhadap 16 fail peminjam yang terlibat dengan tindakan guaman mendapati perkara berikut:

**a. Notis Tuntutan Belum/Lewat Dikeluarkan**

Setelah surat peringatan terakhir dikeluarkan dan peminjam masih gagal membuat bayaran balik dalam masa yang ditetapkan selama 21 hari dan tidak ada maklum balas daripadanya, YT akan meraahkan peguam untuk mengeluarkan notis tuntutan kepada peminjam dan penjamin. Semakan Audit mendapati 2 fail peminjam masih belum dirujuk kepada peguam untuk tindakan pengeluaran notis tuntutan dan 5 fail peminjam lagi lewat dikeluarkan notis tuntutan walaupun telah melebihi tempoh yang ditetapkan seperti **Jadual 2.14** dan **Jadual 2.15**.

**Jadual 2.14****Notis Tuntutan Guaman Belum Dikeluarkan**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Surat Peringatan Terakhir	Tempoh Kelewatan Sehingga 01/03/2013 (Hari)	Baki Pinjaman (RM)
1.	YAS.TR.1/52/2/6	50,000	19.02.2012	742	50,000
2.	YAS.TR.03/6/12/2187	4,000	11.01.2011	781	4,000

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

**Jadual 2.15****Notis Tuntutan Guaman Lewat Dikeluarkan**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Tarikh		Tempoh Lewat (Hari) (b-a-21)	Baki Pinjaman (RM)
			Surat Peringatan Terakhir (a)	Notis Tuntutan (b)		
1.	YAS.TR.01/5/46/DL133	12,000	01.06.2012	27.11.2012	159	12,042
2.	YAS.TR.1/52/2/7	45,000	23.01.2011	27.12.2011	318	42,542
3.	YAS.TR.UKM 2044	500	11.08.2009	01.08.2010	335	542
4.	YAS.TR.01/5/46/8379	9,800	01.09.2010	21.07.2011	303	9,842
5.	YAS.TR.01/5/46/6541	9,700	30.08.2010	16.11.2011	243	6,692

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

**b. Saman Belum/Lewat Dikeluarkan**

Berdasarkan proses tindakan guaman melalui notis tuntutan, peminjam diberi masa 14 hari untuk menjelaskan pinjaman. Sekiranya peminjam masih gagal membuat bayaran dalam tempoh tersebut dan tidak memberi maklum balas, tindakan saman boleh dikeluarkan. Semakan Audit mendapati satu fail peminjam belum dikeluarkan saman dan 2 kes saman lewat dikeluarkan melebihi 6 bulan seperti **Jadual 2.16** dan **Jadual 2.17**.

**Jadual 2.16****Saman Belum Dikeluarkan Setakat 1 Mac 2013**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Baki Pinjaman (RM)	Tarikh Notis Tuntutan	Tempoh Kelewatan Sehingga 01/03/2013 (Hari)
1.	YAS.TR.01/5/46/8384	9,000	8,842	12.10.2011	507

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

**Jadual 2.17****Saman Terhadap Peminjam Dikeluarkan Melebihi 6 Bulan**

Bil.	No. Fail	Jumlah Pinjaman (RM)	Baki Pinjaman (RM)	Tarikh		Tempoh (Hari) (b-a-14)
				Notis Tuntutan (a)	Saman Dikeluarkan (b)	
1.	YAS.TR.SJ 600	12,500	14,658	03.10.2010	15.12.2011	425
2.	YAS.TR.01/2/46/7880	1,563	421	16.11.2011	15.10.2012	321

Sumber: Bahagian Bayaran Balik, YT

- c. **Mengikut maklum balas YT bertarikh 16 Mei 2013, pihak pengurusan YT memaklumkan walaupun telah ditetapkan syarat tempoh sesuatu tindakan dibuat, Bahagian Bayaran Balik juga mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:**

- i. **Kes-kes rayuan sama ada secara lisan atau bertulis serta kedudukan kewangan serta pekerjaan peminjam juga diambil kira.**

- ii. Ada sesetengah kes di mana surat tuntutan tidak diterima oleh peminjam kerana pertukaran alamat, alamat tidak lengkap, alamat palsu, maka perlu disiasat melalui Jabatan Pendaftaran, HRMIS, SPR dan sebagainya.
- iii. Kes-kes peguam ada sesetengahnya ditarik balik sementara waktu kerana rayuan daripada penjamin dengan janji memberi maklumat terkini peminjam. Di samping itu pada awal 2012, pengurusan YT telah mengarahkan untuk ditangguh dahulu segala tindakan undang-undang.
- iv. Pusingan fail lambat dan tidak menyeluruh kerana tidak ada *aging system* dan *auto alert* dalam sistem komputer YT dan semuanya dibuat secara manual. Perkara ini ditangani dengan sistem pengesahan fail melalui amalan 5S. Cadangan penambahaikan akan dibuat dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit pengurusan kutipan balik pinjaman adalah kurang memuaskan kerana prosedur kerja tidak menetapkan tempoh sesuatu tindakan yang perlu diambil menyebabkan kelewatan dalam mengemukakan surat peringatan dan tindakan perundungan kepada peminjam.

#### **2.4.4. Bayaran Masih Dibuat Walaupun Keputusan Peperiksaan Tidak Dikemukakan**

Mengikut syarat-syarat tawaran pinjaman pelajaran, pelajar dikehendaki mengemukakan satu salinan keputusan peperiksaan setiap semester yang disahkan oleh dekan dalam tempoh 14 hari selepas keputusan peperiksaan diumumkan dan bayaran pinjaman akan dibuat setelah salinan keputusan peperiksaan tersebut diterima. Semakan Audit terhadap 100 fail pinjaman mendapati 12 peminjam mengemukakan keputusan setiap semester dan 76 peminjam tidak mengemukakan dengan lengkap manakala 12 peminjam tidak terlibat kerana baru memulakan pengajian. Semakan lanjut Audit mendapati bayaran masih dibuat walaupun keputusan setiap semester tidak dikemukakan oleh peminjam. **Mengikut maklum balas YT bertarikh 16 Mei 2013, pihak pengurusan YT membuat pembayaran walaupun keputusan peperiksaan tidak dikemukakan kerana YT mengambil kira pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) melebihi 2.0 ke atas dan ini menggambarkan pelajar masih lagi dalam pengajian. Dengan itu pembayaran dibuat atas budi bicara sebagai penaja bagi meringankan beban kewangan pelajar di awal sesi pembelajaran bermula. Walau bagaimanapun jika PNGK kurang daripada 2.0, pihak YT tidak membuat pembayaran kepada pelajar tersebut. Pihak YT tetap memohon agar pelajar menyerahkan keputusan peperiksaan mereka seperti yang disyaratkan. Selain itu, pihak YT sedang dalam proses penambahbaikan untuk mengumpul dan mengemas kini rekod semasa pelajar dengan kerjasama daripada universiti yang terlibat.**

**Pada pendapat Audit, tindakan mendapatkan keputusan peperiksaan sebelum bayaran dibuat adalah wajar kerana ia bukan sahaja untuk mematuhi syarat tawaran tetapi jika tidak dikuatkuasakan ianya boleh menyebabkan pelajar menjadi kurang komited untuk mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.**

#### **2.4.5. *Backup* Data Tidak Disimpan Di Bangunan Berasingan**

Data/Maklumat merupakan hasil terakhir sesuatu sistem pengkomputeran dan ianya amat penting serta bernilai bagi sesebuah organisasi. Kehilangan atau kemusnahan data/maklumat yang disimpan di dalam komputer sering berlaku disebabkan oleh kebakaran, pengkhianatan, kecuaian dan kecurian. Mengikut Dasar Keselamatan ICT (*Information Communication Technology*), data/maklumat perlu di *backup* dan disimpan di bangunan yang berasingan. Semakan Audit mendapati *backup* data dibuat secara automatik secara harian dan disimpan di dalam *server* yang terletak dalam bangunan yang sama. Ketidakpatuhan arahan ini boleh menyebabkan kesulitan sekiranya berlaku sesuatu bencana. **Mengikut maklum balas YT bertarikh 16 Mei 2013, pihak pengurusan YT dalam proses terakhir untuk menyewa peti deposit di bank untuk tujuan tersebut. Selain itu, *backup* semasa ada dibuat salinan yang disimpan secara maya melalui kaedah *cloud storage*.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan *backup* adalah kurang memuaskan kerana tidak dibuat salinan dan hanya disimpan di dalam *server* di bangunan yang sama.**

### **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pinjaman pelajaran, Yayasan Terengganu (YT) adalah disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

**2.5.1.** Memastikan surat perjanjian pinjaman dikemukakan kepada peminjam dan penjamin sebaik sahaja perjanjian ditandatangani.

**2.5.2.** Memastikan fail peminjam yang telah tamat pengajian diambil tindakan untuk dikemukakan ke Bahagian Bayaran Balik selepas 6 bulan tamat pengajian bagi tujuan bayaran balik.

**2.5.3.** Menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) dalam Prosedur Kerja supaya prestasi pegawai boleh dinilai.

**2.5.4.** Mengambil tindakan tegas terhadap peminjam yang ingkar membayar balik pinjaman dengan mengikut proses tindakan yang telah ditetapkan.

**2.5.5.** Menyimpan *backup* data di bangunan lain selaras dengan Dasar Keselamatan ICT.

## MENTERI BESAR INCORPORATED

### 3. TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Mac 2006. TISB merupakan anak syarikat milik penuh kepada Menteri Besar Incorporated (MBI). Modal saham yang dibenarkan adalah RM2 bilion dan dibayar sejumlah RM510.95 juta melalui terbitan syer biasa dan syer keutamaan bukan kumulatif boleh tebus. TISB menjalankan aktiviti sebagai syarikat pegangan pelaburan dan berperanan sebagai penasihat dan perunding perniagaan, komersil dan aktiviti-aktiviti industri kepada kerajaan Negeri Terengganu.

**3.1.2.** Penubuhan TISB bertujuan untuk menggabungkan portfolio pelaburan Kerajaan Negeri di bawah satu pengurusan bagi mendapatkan pulangan yang tinggi daripada pelaburan perniagaannya yang sebelum itu dilaksanakan melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri. Ia juga merupakan satu langkah untuk mengelakkan pertindihan kegiatan dan mewujudkan sinergi lebih besar di mana semua kegiatan komersil akan diambil alih oleh TISB dan membolehkan agensi negeri memberi tumpuan kepada matlamat teras masing-masing dalam melaksanakan projek pembangunan sosial bagi faedah rakyat.

**3.1.3.** Lembaga Pengarah TISB dianggotai oleh 3 ahli yang terdiri daripada Menteri Besar Terengganu sebagai pengurus, Setiausaha Kerajaan Terengganu dan Pegawai Kewangan Negeri Terengganu. Mulai 1 Februari 2010, Setiausaha Kerajaan Terengganu dilantik sebagai *Caretaker* mengantikan Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab menjalankan pengurusan harian syarikat dengan dibantu oleh seramai 11 kakitangan berjawatan tetap dan 18 kakitangan berstatus kontrak.

#### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan TISB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur dan selaras dengan objektif penubuhan.

#### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat TISB bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti TISB. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 5 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2007 hingga 2011. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai TISB yang

berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan Audit turut dijalankan ke tapak projek Pembangunan Pulau Besar, Merang, Setiu.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan TISB adalah baik kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul pada 2 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM19.06 juta pada tahun 2010 dan RM42.84 juta pada 2011 berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM3.23 juta, RM0.69 juta dan RM2.06 juta masing-masingnya pada tahun 2007, 2008 dan 2009. Keuntungan bersih selepas cukai turut meningkat sejak tahun 2008 berjumlah RM4.54 juta kepada RM23.78 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Anak syarikat mengalami kerugian terkumpul dan berstatus dorman.
- Projek Pembangunan di Pulau Besar, Merang, Setiu ditangguhkan.
- Rancangan Korporat tidak disediakan.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kurang memuaskan.
- Dividen tidak dibayar kepada pemegang saham.
- Perjanjian kontrak tidak disediakan.
- Pengurusan bayaran tidak teratur.
- Pengurusan aset tidak memuaskan.
- Pengisian jawatan tidak selaras dengan kelulusan Lembaga Pengarah.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

#### **3.4.1. Prestasi Kewangan**

##### **3.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Pendapatan utama TISB adalah dividen yang diterima daripada anak-anak syarikat. Dividen syarikat subsidiari iaitu TDM Berhad, Ladang Rakyat Sdn. Bhd. dan Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan TISB berbanding dividen yang diterima daripada anak syarikat yang lain. Pada tahun 2011, pendapatan dividen telah menurun sejumlah RM0.31 juta berbanding tahun 2010. Penurunan ini terutamanya disebabkan Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad tidak membuat bayaran dividen pada tahun semasa. Manakala perbelanjaan TISB menurun sebanyak RM4.32 juta menjadi RM4.65 juta pada tahun 2011 berbanding RM8.97 juta pada tahun 2010. Maklumat penerimaan dividen adalah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Dividen Yang Diterima Daripada Pelaburan Anak Syarikat TISB**

Kategori Anak Syarikat	Tahun				
	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Syarikat Subsidiari	117,611	14,829,916	18,363,166	22,159,337	21,854,478
Syarikat Bersekutu	1,382,889	6,626,689	12,065,608	3,583,095	4,940,939
Pelaburan Lain	-	318,532	645,463	514,138	445,946
Pelaburan Saham Tersiar Harga	169,600	1,184,608	163,394	175,656	231,847
<b>Jumlah</b>	<b>1,670,100</b>	<b>22,959,745</b>	<b>31,237,631</b>	<b>26,432,226</b>	<b>27,473,210</b>

Sumber: Penyata Kewangan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.


- b. TISB memperoleh keuntungan sebelum cukai pada setiap tahun kecuali kerugian berjumlah RM0.62 juta pada tahun 2007. Kesan daripada keuntungan yang dicatatkan oleh TISB untuk tempoh 4 tahun tersebut menjadikan TISB memperoleh keuntungan terkumpul pada tahun 2011 berjumlah RM42.84 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM2.06 juta pada tahun 2009, RM0.70 juta pada tahun 2008 dan RM3.23 juta tahun 2007.
- c. Analisis Audit mendapati jumlah aset meningkat setiap tahun bagi tempoh 2007 hingga 2011 dari RM444.58 juta pada tahun 2007 menjadi RM648.18 juta pada tahun 2011. Manakala liabiliti mencatatkan penurunan menjadi sejumlah RM94.38 juta tahun 2011 berbanding RM412.81 juta pada tahun 2007. Kedudukan aset yang melebihi daripada liabiliti menunjukkan TISB mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham berjumlah RM31.77 juta (2007), RM41.30 juta (2008), RM508.89 juta (2009), RM530.01 juta (2010) dan RM553.79 juta (2011).
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan TISB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.2**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi TISB Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2011**

Butiran	Tahun Kewangan				
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	1.67	22.96	31.24	26.42	27.47
Kos Jualan	0.02	0.01	-	-	-
<b>Untung Kasar</b>	<b>1.65</b>	<b>22.95</b>	<b>31.24</b>	<b>26.42</b>	<b>27.47</b>
Pendapatan Lain	1.13	1.21	4.60	7.13	2.27
Belanja Am/Pentadbiran Operasi	3.40	14.56	10.58	8.97	4.65
<b>Untung Operasi</b>	<b>-0.62</b>	<b>9.60</b>	<b>25.26</b>	<b>24.58</b>	<b>25.09</b>
Kos Kewangan	-	-	-	-	-
<b>Untung Operasi Sebelum Cukai</b>	<b>-0.62</b>	<b>9.60</b>	<b>25.26</b>	<b>24.58</b>	<b>25.09</b>
Cukai	-	5.05	5.94	3.47	1.30
<b>Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai</b>	<b>-0.62</b>	<b>4.55</b>	<b>19.33</b>	<b>21.12</b>	<b>23.79</b>
<b>Keuntungan/Kerugian Terkumpul</b>	<b>-3.23</b>	<b>-0.70</b>	<b>-2.06</b>	<b>19.06</b>	<b>42.84</b>


Sumber: Penyata Kewangan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

**Carta 3.1**  
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Dan Keuntungan/Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

**Carta 3.2**  
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan TISB Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

### 3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan TISB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan TISB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Butiran	2007	2008	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.12:1	0.13:1	0.72:1	0.80:1	0.79:1
Margin Untung Bersih	-37.2%	19.8%	61.9%	79.9%	86.6%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.001:1	0.01:1	0.03:1	0.03:1	0.04:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.02:1	0.11:1	0.04:1	0.04:1	0.04:1

Sumber: Penyata Kewangan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

#### a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa TISB menunjukkan peningkatan pada setiap tahun sejak tahun 2007. Bagaimanapun, nisbah semasa bagi tahun 2011 adalah pada kadar 0.79:1 telah turun berbanding tahun 2010 (0.80:1). Secara keseluruhannya, kemampuan aset semasa TISB ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek berada di tahap kurang memuaskan.

**b. Margin Untung Bersih**

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin untung bersih TISB menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2011, margin untung bersih TISB telah meningkat kepada 0.86 sen (86.6%) bagi setiap ringgit hasil daripada aktiviti utamanya berbanding tahun sebelumnya.

**c. Pulangan Ke Atas Aset**

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh daripada setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan TISB menguruskan asetnya pada tahun 2011 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun peningkatan kadar pulangan sebanyak 0.04:1 pada tahun 2011 masih belum mencapai tahap yang baik.

**d. Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Pulangan ke atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan pengurusan modal TISB telah meningkat dari tahun 2007 hingga 2011 iaitu pada kadar -0.02:1 pada tahun 2007 kepada 0.04:1 pada tahun 2011. Bagaimanapun peningkatan kadar pulangan tersebut masih belum mencapai tahap yang baik.

**e. Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, kedudukan nisbah semasa dan nisbah hutang yang kurang memuaskan bagi tahun 2007 dan 2008 adalah disebabkan oleh proses penerbitan saham syer keutamaan bukan kumulatif boleh tebus yang belum lagi dimuktamadkan pada tahun-tahun tersebut. Pulangan ke atas aset yang masih belum mencapai tahap yang baik ini disebabkan oleh penyumbang utama aset TISB iaitu pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu sebanyak 75.69% daripada jumlah aset. Bagaimanapun, dividen yang diterima daripada anak syarikat belum lagi mencapai tahap yang dikehendaki memandangkan kebanyakan anak syarikat masih dalam proses pemulihan seperti Golden Pharos Berhad, Hartanah Terengganu Sdn. Bhd., YTYI Sdn. Bhd. dan Syarikat Percetakan Yayasan Islam**

**Terengganu Sdn. Bhd.. Berdasarkan komposisi modal TISB, jumlah modal terbesar yang dilaburkan adalah suntikan aset iaitu dalam bentuk pelaburan dalam anak syarikat. Oleh yang demikian, pulangan atas ekuiti masih di tahap yang belum memuaskan disebabkan oleh pulangan dalam bentuk dividen daripada anak-anak syarikat masih rendah. Ini kerana kebanyakan anak syarikat masih lagi dalam proses memulihkan prestasi kewangan mereka.**

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan TISB adalah baik kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul dan keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2011. Namun begitu, TISB hendaklah berusaha menstrukturkan semula dan memulihkan prestasi anak syarikat yang mengalami kerugian dan dorman bagi menjana tambahan pendapatan.

### **3.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Melalui Perjanjian Pelaksanaan Reorganisasi pada 1 Mac 2007, segala aktiviti pelaburan serta komersil dan perniagaan yang dijalankan oleh enam agensi Kerajaan Negeri iaitu Menteri Besar Incorporated, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu, Perbadanan Memajukan Ikhtisas Negeri Terengganu, Yayasan Terengganu, Yayasan Islam Terengganu dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu diambil alih oleh TISB. Pemindahmilikan aset dan liabiliti di bawah agensi tersebut meliputi pelaburan tersiar harga, pelaburan tidak tersiar harga, harta tanah, pendahuluan/pendahuluan ragu dan liabiliti atribut. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti TISB mendapati perkara seperti berikut:

#### **3.4.2.1 Prestasi Anak Syarikat Lemah**

Syarikat-syarikat di bawah TISB menjalankan aktiviti perniagaan dalam pelbagai bidang iaitu khidmat sokongan minyak dan gas, sumber asli, harta tanah dan pembinaan, pertanian dan perladangan, pelancongan dan pelaburan. TISB mempunyai 15 syarikat subsidiari dan 9 syarikat bersekutu yang diperbadankan di Malaysia. Maklumat syarikat-syarikat di bawah TISB adalah seperti berikut:

##### **a. Syarikat Subsidiari Mengalami Kerugian Terkumpul**

- i. Sebanyak 11 daripada 15 syarikat subsidiari TISB mengalami kerugian terkumpul bagi tahun kewangan 2011. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian terkumpul yang terbesar sejumlah RM54.15 juta. Mengikut penjelasan pegawai TISB, salah satu faktor syarikat tersebut mengalami kerugian adalah disebabkan kadar tarif air yang tidak pernah dibuat semakan semula sejak tahun 1997 dan bebanan bayaran hutang kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun sejumlah RM37.64 juta. Kedudukan keuntungan/kerugian terkumpul syarikat subsidiari adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**
**Kedudukan Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat Subsidiari  
Bagi Tahun 2008 Hingga 2011**

Bil.	Nama Syarikat	Keuntungan/Kerugian Terkumpul			
		2008 (RM Juta)	2009 (RM juta)	2010 (RM juta)	2011 (RM juta)
1.	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.	-45.78	-49.79	-51.36	-54.15
2.	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.	-1.44	-0.17	2.62	5.51
3.	YTYI Sdn. Bhd.	-8.36	-7.56	-8.37	-9.82
4.	Suterasemai Sdn. Bhd.	-24.16	-27.36	-29.52	-30.48
5.	TI Offshore Services Sdn. Bhd.	-0.002	-0.002	-0.25	-0.74
6.	Hartanah Terengganu Sdn. Bhd.	-0.18	-0.53	-0.66	-0.21
7.	Husa Network Sdn. Bhd.	-	-	-	-2.52
8.	Terengganu Inc. Resort Sdn. Bhd	-0.005	-0.006	-0.008	-0.009
9.	Terengganu Inc. Care Sdn. Bhd	-	-	-0.01	-0.01
10.	Pemika Terengganu Sdn. Bhd	-3.55	-3.55	-3.55	-3.55
11.	GPQ Sdn. Bhd	15.57	11.73	16.5	18.54
12.	Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd.	65.95	73.1	96.27	127.47
13.	Terengganu Anshan Iron Sdn. Bhd	-4.49	-4.40	-4.33	-4.33
14.	TDM Berhad	136.54	168.53	235.84	355.94
15.	Golden Pharos Berhad	20.47	7.06	-14.52	-13.01

Sumber: Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

ii. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, anak-anak syarikat yang mengalami kerugian terkumpul yang ketara adalah berpunca daripada kerugian terkumpul sedia ada semasa tarikh pengambilalihan. Bagaimanapun, beberapa anak syarikat telah distruktur semula setelah diambil alih oleh TISB seperti Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., YTYI Sdn. Bhd., Golden Pharos Berhad dan Hartanah Terengganu Sdn. Bhd. TISB selaku syarikat induk juga telah berusaha memantau prestasi anak-anak syarikat di bawah jagaannya sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui:**

- Melantik Lembaga Pengarah anak syarikat dari kalangan pengarah TISB sendiri (sebahagian anak syarikat).
- Menjemput wakil anak syarikat bagi menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah TISB untuk mengutarakan masalah.
- Wakil TISB menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah anak-anak syarikat bagi memantau perkembangan terkini anak syarikat.
- Menjemput anak syarikat membentangkan perancangan perniagaan mereka kepada Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah TISB.

**b. Status Anak Syarikat**

Sebanyak 10 daripada 15 syarikat subsidiari TISB didapati aktif beroperasi di mana 2 daripadanya merupakan syarikat yang tersenarai manakala 5 syarikat berstatus dorman seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Senarai Syarikat Subsidiari TISB**

Bil.	Nama Syarikat	Pegangan Saham (%)	Aktiviti Utama	Status
1.	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.	100	Perkhidmatan Bekalan Air	Aktif
2.	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.	100	Percetakan	Aktif
3.	YTYI Sdn. Bhd.	100	Perhotelan	Aktif
4.	TI Offshore Services Sdn. Bhd.	100	Minyak & Gas	Aktif
5.	Hartanah Terengganu Sdn. Bhd.	100	Pelaburan Hartanah	Aktif
6.	Husa Network Sdn. Bhd.	99.9	Menguruskan Operasi Stesen Radio Swasta	Aktif
7.	GPQ Sdn. Bhd.	97.9	Kontraktor Pembinaan & Kuari	Aktif
8.	Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd.	52.4	Perlادangan Kelapa Sawit	Aktif
9.	TDM Berhad	50.8	Perlادangan Kelapa Sawit	Aktif
10.	Golden Pharos Berhad	61.3	Pegangan Pelaburan	Aktif
11.	Permint Suterasemai Sdn. Bhd.	100	Perniagaan Sutera, Landskap & Semaian	Dorman
12.	Terengganu Inc. Resort Sdn. Bhd.	100	Pelaburan Hartanah	Dorman
13.	Terengganu Inc. Care Sdn. Bhd.	100	Perkhidmatan Insurans & Takaful	Dorman
14.	Pemika Terengganu Sdn. Bhd.	100	Memproses & Mengedara Kacang Tanah	Dorman
15.	Terengganu Anshan Iron Sdn. Bhd.	51.0	Perlombongan Bijih Besi	Dorman

Sumber: Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

### c. Pemberian Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

- i. Selaras dengan klausula 12, Jadual Ketiga, Akta Syarikat 1965, didapati TISB telah memberi pendahuluan kepada anak syarikat bagi tujuan menampung kos operasi, membiayai projek dan penubuhan syarikat. Sehingga bulan Disember 2012, pendahuluan sejumlah RM47.50 juta telah diberikan kepada 15 syarikat subsidiari dan baki sejumlah RM43.02 juta masih belum dijelaskan. Kelemahan-kelemahan dalam pengurusan pendahuluan yang dikenal pasti adalah tidak menyediakan garis panduan, surat perjanjian dan jadual bayaran balik. Maklumat pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari Sehingga Bulan Disember 2012**

Bil.	Nama Syarikat	Pendahuluan Diberi		Pendahuluan Dijelaskan (RM)	Baki (RM)
		Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM)		
1.	Hartanah Terengganu Sdn. Bhd.	2007-2012	354,929	6,755	348,174
2.	Golden Pharos Berhad	2007-2012	10,060,485	36,575	10,023,910
3.	Terengganu Inc. Resort Sdn. Bhd.	2007-2012	10,706	0	10,706
4.	TI Offshore Services Sdn. Bhd.	2008-2012	10,193,444	1,343	10,192,101
5.	TDM Berhad	2008-2012	49,855	32,667	17,188
6.	Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd.	2008-2012	35,928	30,741	5,187
7.	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.	2008-2012	13,810	13,810	0

Bil.	Nama Syarikat	Pendahuluan Diberi		Pendahuluan Dijelaskan (RM)	Baki (RM)
		Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM)		
8.	Terengganu Inc. Care Sdn. Bhd.	2010-2012	15,393	0	15,393
9.	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.	2008-2012	22,762	15,568	7,194
10.	GPQ Sdn. Bhd.	2008-2012	23,918	19,203	4,715
11.	YTYI Sdn. Bhd.	2008-2012	20,669,104	4,319,655	16,349,449
12.	Terengganu Anshan Iron & Steel Sdn. Bhd.	2009	1,650	1,650	0
13.	Suterasemai Sdn. Bhd.	2009-2012	2,700,540	0	2,700,540
14.	Pemika Terengganu Sdn. Bhd.	2009-2012	5,443	0	5,443
15.	Husa Network Sdn. Bhd.	2011-2012	3,344,510	425	3,344,085
<b>Jumlah</b>			<b>47,502,478</b>	<b>4,478,391</b>	<b>43,024,086</b>

Sumber: Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

- ii. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pengurusan TISB merancang untuk menutup syarikat yang berstatus dorman seperti Suterasemai Sdn. Bhd., Pemika Terengganu Sdn. Bhd. dan Terengganu Anshan Iron Sdn. Bhd. memandangkan perniagaan yang dijalankan tidak lagi relevant pada masa kini. Manakala, Terengganu Inc. Resort Sdn. Bhd. yang diberi tanggungjawab mengurus operasi Pulau Besar masih berstatus dorman kerana projek tersebut ditangguhkan dan Terengganu Inc. Care Sdn. Bhd. tidak dapat beroperasi kerana tidak memperoleh lesen perniagaan. Pihak pengurusan TISB dalam proses menyediakan perjanjian yang akan merangkumi garis panduan dan jadual pembayaran balik bagi setiap pendahuluan.**
- d. Adalah didapati Jawatankuasa Pelaburan/Risiko tidak dapat berfungsi walaupun ianya telah di tubuh sejak tahun 2006. Berdasarkan Amalan Terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2012) menghendaki perbincangan teliti mengenai pelaburan dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan bagi memastikan ia mematuhi polisi dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta mengurangkan risiko pelaburan sebelum keputusan pelaburan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini tidak berfungsi kerana keanggotaannya belum dilantik. Keanggotaan yang terdiri di kalangan ahli Lembaga Pengarah yang lama tidak diperbaharui setelah tempoh pelantikan tamat. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 13 Mei 2013, Jawatankuasa Pelaburan tidak dapat ditubuhkan disebabkan bilangan dan komposisi Lembaga Pengarah TISB yang tidak mencukupi iaitu hanya 3 orang sahaja.**

#### 3.4.2.2. Projek Pembangunan Di Pulau Besar, Merang, Setiu

- a. Projek pembangunan di Pulau Besar, Merang, Setiu dilaksanakan di atas tapak seluas 11.62 ekar milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dan kos pembiayaan ditanggung oleh Menteri Besar Incorporated. Projek ini bertujuan

memenuhi keperluan peserta dan pegawai Kejohanan Lumba Kuda Lasak Dunia 2008 yang berlangsung di *Terengganu International Endurance Park*, Setiu pada 6 hingga 9 November 2008. Projek ini melibatkan pembinaan Banglo dan Rumah Kelab yang berkualiti tinggi yang terdiri daripada 18 buah Banglo, 2 buah Penginapan Presiden, 2 buah Rumah Villa, sebuah Rumah Kelab dan jalan masuk. Kos pembangunan projek adalah berjumlah RM41 juta dengan tempoh masa penyiapan kerja adalah selama 7 bulan bermula pada 28 Februari 2008 sehingga 26 September 2008.

- b. Berdasarkan Perjanjian Pelaksanaan Reorganisasi di mana aktiviti komersil yang melibatkan harta tanah hendaklah diserahkan kepada TISB dan agensi terlibat tidak lagi dibenarkan menjalankan urus niaga yang melibatkan harta tanah tersebut. Selaku pemegang Surat Kuasa *Power of Attorney*, TISB diberi tanggungjawab untuk menguruskan pembangunan projek Pulau Besar. Semakan Audit mendapati komponen projek bagi membina Banglo dan Rumah Kelab telah diubah kepada 9 buah Banglo, 1 buah Penginapan Presiden, 1 buah Rumah Villa, dan sebuah Rumah Kelab. Perubahan ini telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah pada 18 September 2009 disebabkan kenaikan harga barang dan jangkaan kos projek mencecah RM70 juta. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini telah gagal disiapkan walaupun pihak kontraktor telah diberi lanjutan masa sebanyak 3 kali yang berakhir pada 31 Disember 2009. Seterusnya, kontrak melaksanakan projek ini telah diberhentikan melalui arahan pemberhentian kerja pada 31 Disember 2009 oleh pihak TISB dan akan disusuli dengan penamatan secara bersama (*mutual termination*). Setakat ini penamatan secara bersama masih belum dilaksanakan. Pemberhentian kerja pembinaan di tapak projek diluluskan oleh Lembaga Pengarah susulan daripada persetujuan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu untuk menjual projek Pulau Besar kepada Ri-Yaz Assets Sdn. Bhd. (RASB). Projek pembangunan ini telah terbengkalai dengan peratus siap secara purata adalah sebanyak 80% dan kos yang telah dibelanjakan berjumlah RM32.79 juta.
- c. Hasil semakan Audit dan lawatan ke tapak projek mendapati perkara berikut:
  - i. TISB mengesahkan status siap secara purata ke atas pembinaan adalah sebanyak 80% daripada keseluruhan projek. Pembinaan yang belum disiapkan seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.8**.

**Gambar 3.1**  
**Pemandangan Hadapan**  
**Banglo Dan Rumah Kelab**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.2**  
**Pemandangan Belakang**  
**Banglo Dan Rumah Kelab**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.3**  
**Pemandangan Luar**  
- Banglo Presiden



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.4**  
**Pemandangan Dalaman**  
- Banglo Presiden



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.5**  
**Pandangan Belakang - Rumah Vila**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.6**  
**Pandangan Sisi - Rumah Vila**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.7**  
**Pemandangan Luar**  
**- Rumah Kelab**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.8**  
**Sebahagian Ruangan Belakang**  
**Rumah Kelab**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

- ii. Sebuah Banglo telah berjaya disiapkan untuk dijadikan rumah contoh seperti di **Gambar 3.9** hingga **Gambar 3.11**.



**Gambar 3.10**  
**Pemandangan Ruangan**  
**Tengah Banglo**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.9**  
**Banglo**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.11**  
**Sebahagian Peralatan Elektik**  
**Yang Dipasang Dalam Banglo**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

- iii. *Material off Site* bernilai RM2.98 juta telah dipindah, disimpan di stor Suterasemai Sdn. Bhd. dan sebahagianya digunakan di Pejabat TISB seperti di **Gambar 3.12** hingga **Gambar 3.15**.

**Gambar 3.12**  
*Material off Site*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Simpanan Suterasemai Sdn. Bhd.  
Tarikh: 27 Februari 2013

**Gambar 3.13**  
*Material off Site*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Simpanan Suterasemai Sdn. Bhd.  
Tarikh: 27 Februari 2013

**Gambar 3.14**  
*Material off Site Digunakan Oleh TISB*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat TISB, Cendering, Kuala Terengganu  
Tarikh: 27 Februari 2013

**Gambar 3.15**  
*Material off Site Digunakan Oleh TISB*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat TISB, Cendering, Kuala Terengganu  
Tarikh: 27 Februari 2013

- iv. Lembaga Pengarah TISB telah bersetuju melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 29 Oktober 2012 supaya projek pembangunan Pulau Besar diteruskan dengan menyiapkan 2 unit banglo di mana pelantikan kontraktor yang baru akan dibuat secara individu mengikut bilangan unit yang ada bagi tujuan menyiapkan projek tersebut. Projek diteruskan dengan cadangan menyiapkan 1 unit Banglo Presiden dan 1 unit Rumah Vila. Bagaimanapun pelaksanaan ditangguhkan kerana menunggu kerja-kerja pengawalan hakisan pantai oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran memandangkan kawasan tersebut terdedah kepada hakisan pantai yang teruk. Pihak Arkitek projek juga telah memaklumkan bahawa jarak asal antara tapak pembinaan dengan ombak/gigi air iaitu dianggarkan 60.0 meter telah terhakis menjadi 5.0 meter. Lawatan Audit pada 20 Februari 2013

mendapati jarak antara tapak pembinaan dengan ombak/gigi air seperti di **Gambar 3.16** dan **Gambar 3.17**.

**Gambar 3.16**

Pemandangan Jarak Antara Tapak Pembinaan Dengan Ombak/Gigi Air



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

**Gambar 3.17**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 20 Februari 2013

d. Projek pembinaan yang tidak berjaya disiapkan telah memberi kesan berikut:

- i. Kerosakan struktur bangunan yang tidak siap sepenuhnya akan berlaku kerana terbiar dan terdedah dengan air laut seperti di **Gambar 3.18** dan **Gambar 3.19**.

**Gambar 3.18**

Pemandangan Struktur Bangunan Yang Tidak Siap Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 13 Mac 2013

**Gambar 3.19**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Projek Pembangunan Di Pulau Besar,  
Merang, Setiu  
Tarikh: 13 Mac 2013

- ii. Kos membaik pulih semula struktur bangunan menelan perbelanjaan yang besar sekiranya projek hendak dibangunkan semula.
- iii. Tanggungan perbelanjaan bertambah dengan adanya kos ke atas perkhidmatan kawalan keselamatan yang perlu disediakan.
- iv. Pembangunan projek tidak dapat dimanfaat kerana tidak dapat disiapkan.

- e. Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013:
- i. Projek Pembangunan tersebut dihentikan pada 31 Disember 2009 atas faktor cadangan penjualan projek kepada RASB dengan keadaan seadanya. Susulan daripada itu, tiada maklum balas daripada pihak RASB dan Pengurusan terpaksa melantik syarikat kawalan keselamatan Perisai Bernas Sdn. Bhd. (PBSB) bagi menjaga keselamatan peralatan dan kawasan terbabit.
  - ii. Pengurusan TISB telah pun melaporkan status terkini kepada Lembaga Pengarah dalam setiap mesyuarat Lembaga Pengarah TISB. Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, pengurusan telah mengemukakan beberapa cadangan kepada Lembaga Pengarah dalam menentukan hala tuju projek Pembangunan Pulau Besar. Berikut adalah cadangan yang telah dikemukakan, seperti mana di bawah:
    - Menghentikan terus projek ini.
    - Meneruskan projek ini dengan tiga alternatif iaitu:
      - Menjual keseluruhan projek tersebut seperti nilai yang sedia ada,
      - Menyiapkan projek tersebut dan menjual kepada pihak ketiga,
      - Menyiapkan projek tersebut dan menguruskannya sama ada:
        - Mencari rakan niaga dan membahagikan keuntungan mengikut peratusan yang dipersetujui,
        - Mencari operator dan membayar yuran pengurusan untuk menjalankan operasi resort,
        - Menjalankan operasi resort dengan sendiri.
  - iii. Pengurusan melalui juruperunding Juruukur Bahan telah membuat anggaran kos bagi menyiapkan semula baki keseluruhan projek tersebut berjumlah RM16.10 juta. Pengurusan TISB mencadangkan hala tuju projek Pembangunan Pulau Besar ini di bawa ke mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) bagi mencapai matlamat asal pembangunan tersebut.
  - iv. Faktor utama projek tersebut dihentikan juga adalah disebabkan oleh fenomena alam iaitu kesan daripada hakisan pantai yang teruk. Kos yang dijangkakan bagi kerja-kerja penambakan untuk kawalan hakisan tersebut adalah tinggi menyebabkan pihak JPS masih menunggu peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Selain daripada itu juga, pihak kami menjangkakan sekiranya projek tersebut diteruskan terlebih dahulu tanpa mengambil kira kesan daripada hakisan pantai, ini akan menyebabkan satu pembaziran yang besar.

- v. Kesan daripada hakisan pantai menyebabkan banyak perubahan yang perlu dilakukan terhadap struktur bangunan dan tambahan kerja-kerja membaik pulih kerosakan pada bangunan. TISB memerlukan satu peruntukan tambahan yang besar bagi mengatasi masalah tersebut. Sebahagian struktur bangunan di bahagian Selatan projek telah runtuh dan ditenggelami air. Dinding dan tiang bangunan mengalami keretakan dan apabila tiba musim monsun sekitar Oktober hingga Disember, kawasan sekitar projek pembangunan tersebut dilimpahi air laut dan membentuk satu pulau. Tiada laluan darat yang boleh dihubungi untuk sampai ke tapak projek tersebut.
- vi. Bermula selepas projek tersebut dihentikan, pihak kami telah membuat pemantauan berkaitan hakisan tersebut. Namun demikian kadar hakisan bertambah teruk yang mana setiap kali monsun melanda, air/ombak melimpah sehingga memasuki ruang bawah bangunan rumah kelab. Kesan daripada hakisan dan ombak ini banyak berlaku keretakan serta bangunan mengalami luluhawa yang ketara menyebabkan kawasan tersebut tidak selamat untuk diduduki. Adalah mustahil untuk operasi dijalankan sekiranya kesan hakisan air/ombak ini semakin teruk dari semasa ke semasa. Ini menyebabkan kerugian yang lebih besar dan berterusan akan dialami oleh TISB.

Pada pendapat Audit, projek yang ditangguhkan ini adalah satu pembaziran. TISB hendaklah membuat kajian pasaran bagi memastikan projek Pembangunan Pulau Besar dapat dimanfaatkan selaras dengan matlamat yang hendak dicapai.

### 3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat merangkumi kawalan pengurusan syarikat, sistem dan prosedur. Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah ada dinyatakan dalam Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2012) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat mendapati:

#### 3.4.3.1. Rancangan Korporat Tidak Disediakan

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa setiap syarikat perlu menyedia atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati TISB tidak menyediakan Rancangan Korporat tahun 2011 dan 2012.

- b. Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, Rancangan Korporat TISB tidak dapat disediakan memandangkan hanya Ketua Jabatan sahaja yang ada di TISB. Ketua Jabatan tidak berupaya untuk membuat Rancangan Korporat kerana mereka hanya dapat membuat perancangan bagi jabatan di bawah jagaannya sahaja. Walhal, Perancangan Korporat bagi sebuah syarikat merangkumi perancangan menyeluruh bagi semua jabatan. Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi Ketua Jabatan untuk membuat Rancangan Korporat tersebut.

#### 3.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Kurang Memuaskan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengerusinya. Keahlian Jawatankuasa Audit menetapkan Pengerusinya mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat tersebut. Manakala Setiausaha Jawatankuasa perlulah terdiri daripada pegawai Audit Dalaman dan menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia (IAM). Semakan Audit mendapati TISB telah menujuhkan Jawatankuasa Audit Kumpulan TISB melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2006 pada 10 April 2006. Beberapa kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- a. Setiausaha Kerajaan Terengganu yang merupakan salah seorang ahli Lembaga Pengarah TISB telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit Kumpulan TISB melalui Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah bertarikh 28 Jun 2010. Bagaimanapun, pelantikan beliau tidak menepati kehendak pekeliling kerana beliau mempunyai kuasa eksekutif dalam urusan tadbir urus syarikat setelah dilantik sebagai caretaker. Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, seorang Pegawai Tadbir Negeri (Memangku Gred Utama ‘C’) telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TISB berkuat kuasa mulai 15 Mei 2013. Dengan pelantikan ini, secara tidak langsung YB. Dato’ Setiausaha Kerajaan Terengganu merupakan seorang ahli Lembaga Pengarah yang tidak mempunyai kuasa eksekutif.
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Kumpulan TISB dijalankan bersekali dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah TISB dengan membincangkan agenda berkaitan isu laporan audit dan isu-isu lain yang berkaitan. Selain itu, minit mesyuarat disediakan oleh Setiausaha Syarikat bersekali dengan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah. Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pihak pengurusan akan menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Audit Kumpulan TISB secara berasingan bagi membincangkan agenda berkaitan isu laporan audit dan isu-isu lain yang berkaitan termasuk penyediaan minit mesyuarat tersebut.

- c. Ketua Jabatan Audit Dalaman/Pegawai Audit Dalaman yang mempunyai kelulusan dan pengalaman berkaitan tidak berperanan selaku Setiausaha Jawatankuasa Audit Kumpulan TISB. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pihak pengurusan bersetuju dengan saranan Jabatan Audit Negara supaya Ketua Audit Dalaman/Pegawai Audit Dalaman bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit Kumpulan tetapi tidak merangkumi mana-mana Syarikat Subsidiarinya.**

#### **3.4.3.3. Standard Operating Procedures**

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek *tribute*, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. TISB telah menyediakan *Department Operational Manual* TISB yang mengandungi *Accounting Manual*, *Audit Manual*, *Company Secretarial Manual*, *Corporate Communication Manual*, *Corporate Finance Manual*, *Human Resource Policy & Procedure Manual* dan *Property/Project Manual* yang telah diluluskan pada 31 Disember 2009. Bagaimanapun, manual tersebut diluluskan di peringkat pengurusan TISB iaitu diluluskan oleh Pengarah Eksekutif tetapi tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah TISB. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pihak pengurusan akan membentangkan *Department Operational Manual* TISB kepada Lembaga Pengarah TISB untuk mendapatkan kelulusan.**

#### **3.4.3.4. Bayaran Dividen**

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi suatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati TISB memperoleh keuntungan selepas cukai bagi tahun 2008 hingga 2011 dan dividen telah dibayar kepada pemegang saham pada tahun 2008 dan 2009. Bagaimanapun, TISB tidak membuat bayaran dividen kepada pemegang saham bagi tahun 2010 dan 2011 seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Maklumat Bayaran Dividen Oleh TISB Kepada Pemegang Saham**

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Untung/Rugi Selepas Cukai	-0.62	4.54	19.33	21.12	23.78
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	-3.23	-0.7	-2.06	19.06	42.84
Dividen Dibayar	-	2.00	20.70	-	-

Sumber: Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

- b. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pembayaran dividen bagi tahun 2010 dan 2011 tidak dapat dilakukan kerana keperluan penggunaan tunai pada tahun-tahun tersebut adalah sangat tinggi. Bagaimanapun, pada 25**

Mac 2012, pihak Pengurusan TISB telah mencadangkan pembayaran dividen bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 iaitu sebanyak RM20.18 juta. Lembaga Pengarah TISB telah bersetuju dengan cadangan pembayaran dividen ini dan akan dibawa untuk kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung 2012 TISB yang dijangka akan diadakan pada tahun 2013.

#### 3.4.3.5. Perjanjian Kontrak Tidak Disediakan

- a. TISB telah mengeluarkan surat tawaran pelantikan bagi kontrak kerja dan perkhidmatan sebagai tanda penerimaan tawaran. Bagaimanapun, perjanjian kontrak bagi 6 kerja dan perkhidmatan antara TISB dan kontraktor tidak disediakan. Kontrak kerja dan perkhidmatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8**

**Perjanjian Kontrak Tidak Disediakan Bagi Kontrak Kerja Dan Perkhidmatan**

Bil.	Kontrak Kerja/ Perkhidmatan	Nama Kontraktor	Tempoh Kontrak	Jumlah Kontrak (RM)
1.	Kawalan Keselamatan Pulau Besar	Perisai Bernas (M) Sdn. Bhd.	Tidak Dinyatakan Dalam Surat Tawaran	9,011.84 sebulan
2.	Kawalan Keselamatan Suterasemai	Perisai Bernas (M) Sdn. Bhd.	25 Oktober 2009 sehingga ditubuhkan Suteramas Sdn. Bhd.	-
3.	Kawalan Keselamatan Pejabat Batu Buruk	Muaz Force Sdn. Bhd.	1.2.2012 hingga 31.1.2014	3,367.20 sebulan
4.	Kawalan Keselamatan Bangunan TISB	Securiforce Sdn. Bhd.	1.10.2011 hingga 30.9.2012	7,759.20 sebulan
5.	Kontrak Kebersihan TISB Chendering	MRS Unggul Sdn. Bhd.	15.9.2012 hingga 14.09.2013	2,985.00 sebulan
6.	Kontrak Kebersihan TISB Chendering	RHM Services	15.9.2011 hingga 14.9.2012	2,900.00 sebulan

Sumber: Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

- b. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pengurusan telah membuat pelantikan syarikat kontraktor bagi kontrak kerja dan perkhidmatan dengan mengeluarkan surat tawaran. Surat tawaran tersebut mengandungi skop kerja dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh kontraktor. Bermula April 2013, pihak pengurusan dalam proses menyediakan perjanjian kontrak dengan berduti setem kepada syarikat kontraktor dan disertakan bersama surat tawaran kerja.**
- c. Semakan lanjut Audit mendapati:
  - i. Perisai Bernas (M) Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor kawalan keselamatan di Pulau Besar melalui surat lantikan yang dikeluarkan pada 29 Disember 2009. Semakan Audit mendapati tempoh melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan tidak dinyatakan dalam surat tawaran tersebut. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pengurusan telah pun sedia maklum bahawa kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan**

tersebut adalah berbentuk kontrak bulanan. Keputusan pelantikan syarikat kawalan keselamatan tersebut dibuat setelah kerja-kerja di tapak projek tersebut dihentikan ekoran cadangan penjualan kepada RASB. Keputusan yang masih tergantung dan ketiadaan hala tuju yang jelas ke atas projek tersebut menyebabkan Pengurusan masih mengguna pakai surat tawaran pelantikan syarikat kawalan keselamatan terdahulu. Pengurusan akan membuat perincian kontrak bagi kerja-kerja kawalan keselamatan di Pulau Besar seperti yang dicadangkan oleh pihak Jabatan Audit Negara.

- ii. Pihak TISB telah mengadakan lawatan pada 20 Februari 2013 di tapak projek Pulau Besar dan mendapati berlaku kehilangan beberapa peralatan dan kecurian kabel elektrik. Hasil semakan Audit mendapati pihak kontraktor kawalan keselamatan Pulau Besar tidak dipertanggungjawabkan di atas kos kerugian akibat kecurian yang berlaku kerana perjanjian kontrak tidak disediakan bagi tujuan menjaga kepentingan kedua-dua pihak yang terlibat. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pengurusan telah pun sedia maklum mengenai hal tersebut dan aduan berkenaan kecurian kepada pihak polis telah pun dibuat. Untuk makluman, kejadian tersebut berlaku di bangunan Rumah Kelab sahaja yang mana kedudukan bangunan yang jauh serta ketiadaan sistem pencahayaan di tempat tersebut menyebabkan ianya menjadi sasaran pencuri. Pengurusan dalam proses menilai kos kerugian dan tuntutan akan dibuat kepada syarikat kawalan keselamatan tersebut.**
- iii. Muaz Force Sdn. Bhd. telah dilantik menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan di Pejabat TISB Batu Buruk bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011 dan kontrak dilanjutkan kepada 31 Januari 2014. Semakan Audit mendapati TISB telah berpindah ke bangunan baru di Chendering pada bulan September 2011 dan pejabat tersebut diduduki oleh Agensi Pembangunan Masyarakat Terengganu. Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu melalui surat bertarikh 22 Disember 2011 telah memohon supaya TISB menjelaskan bil elektrik, bil air dan kos perkhidmatan kawalan keselamatan terhadap bangunan tersebut bagi pihak SUK Terengganu. Walaupun maksud tersebut yang tidak berkaitan dengan perbelanjaan operasi syarikat, kelulusan telah diberikan oleh pengurusan TISB dan sejumlah RM58,850 telah dibelanjakan sehingga bulan Disember 2012. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, TISB menanggung perbelanjaan berkaitan utiliti tersebut demi menyokong sepenuhnya Agensi Kerajaan Negeri yang bertindak sebagai penghubung antara masyarakat dan Kerajaan Negeri dalam bentuk masyarakat yang bersatu padu, berpatriotik dan beretika.**

#### 3.4.3.6. Pengurusan Bayaran Tidak Teratur

Peraturan berhubung pengurusan kewangan TISB ada dinyatakan dalam *Accounting Manual* TISB. Semakan Audit yang dijalankan meliputi kawalan bajet, pendapatan dan

perbelanjaan. Beberapa kelemahan dalam pengurusan bayaran yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a. Para 5.1 (b) Bab 3, Accounting Manual TISB menyatakan *Account Manager* bertanggungjawab mengesahkan baucar bayaran dan semua dokumen sokongan seperti *suppliers invoice*, *purchase order* dan *delivery order*. Semakan Audit mendapati invois dan dokumen sokongan tidak disahkan oleh *Account Manager* tetapi dibuat di atas memo dalaman sahaja. Selain itu, terdapat juga baucar bayaran yang tidak disahkan oleh *Account Manager* tetapi disahkan oleh *Account Executive*.  
**Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, kekeliruan pengesahan timbul disebabkan oleh ruangan yang sama “disemak oleh” pada baucar bayaran ditandatangani oleh 2 orang iaitu *Account Manager* dan *Account Executive*. Bagaimanapun, terdapat juga baucar bayaran yang hanya ditandatangani oleh *Account Executive* sahaja disebabkan arahan secara lisan oleh *Account Manager* yang berada di luar kawasan dan memerlukan bayaran segera perlu dibuat. Bermula tahun 2013, *Account Manager* akan meluluskan semua pembayaran yang akan dibuat.**
- b. Sebahagian dokumen sokongan asal tidak dikepilkhan bersama-sama baucar. Selain itu, salinan baucar bayaran dan dokumen sokongan turut tidak disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pihak pengurusan akan memastikan dokumen sokongan asal dikepilkhan bersama baucar bayaran. Selaras dengan itu, sekiranya terdapat salinan bagi dokumen sokongan, pengesahan daripada pihak terlibat akan dibuat dan dicapkan copy atau Certified True Copy.**
- c. Baucar bayaran dan dokumen sokongan tidak ditebuk atau dicap “Telah Jelas” bagi mengelakkan berlakunya bayaran berganda. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, melalui praktis syarikat, baucar bayaran dan dokumen sokongan tidak ditebuk atau dicap “Telah Jelas”. Ini kerana asas perakaunan syarikat menggunakan asas akruan di mana risiko bayaran berganda adalah rendah. Mengikut perakaunan asas akruan, urus niaga dan peristiwa diiktiraf apabila ia berlaku (bukan bila tunai diterima atau dibayar) dan direkodkan dalam rekod perakaunan tempoh urus niaga tersebut berlaku. Seterusnya urus niaga tersebut dilaporkan dalam penyata kewangan dalam tempoh yang sama. Bagaimanapun, pihak pengurusan akan membuat penambahbaikan mengikut cadangan yang telah disarankan oleh pihak Jabatan Audit Negara.**
- d. Pembayaran minyak kereta tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pengurusan telah melakukan penambahbaikan yang mana penggunaan minyak perlu disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab sebelum pembayaran**

dibuat. Pengurusan juga telah melaksanakan borang penggunaan kereta dengan pemanduan sendiri atau dengan menggunakan khidmat pemandu syarikat dan perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Jabatan Projek dan Pengurusan Harta. Penambahbaikan ini telah dilaksanakan bermula Mac 2013 berbanding kaedah terdahulu penggunaan kenderaan syarikat hanya mengisi buku rekod kegunaan sahaja.

- e. Daftar pendahuluan diri tidak di selenggara bagi menentukan bahawa pendahuluan diri diberikan mengikut had dibenarkan dan diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, Borang Pendahuluan telah diwujudkan bagi mengenal pasti penerima pendahuluan dan memastikan pendahuluan yang diberi dapat diselesaikan. Penerima boleh meminta pendahuluan dalam bentuk tunai atau cek. Sekiranya amaun yang diminta kurang dari RM300, penggunaan Petty Cash akan dibuat. Pendahuluan ini akan disahkan oleh Ketua Jabatan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan Akaun.**

#### **3.4.3.7. Pengurusan Aset Tidak Memuaskan**

Mengikut Para 9, *Accounting Manual* TISB, perolehan aset melebihi RM3,000 adalah dikategorikan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Semakan Audit mendapati Unit Pentadbiran dipertanggungjawabkan menguruskan stor pejabat dan aset bernilai kurang daripada RM3,000, Jabatan Akaun menguruskan aset bernilai RM3,000 ke atas manakala Jabatan Pengurusan Hartanah dan Projek menguruskan kenderaan syarikat. Antara kelemahan pengurusan aset TISB adalah:

- a. Berdasarkan buku rekod kad inden minyak, didapati kad inden minyak bukan sahaja diguna oleh pemandu malah turut diguna oleh kakitangan lain untuk mengisi minyak kenderaan pejabat. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, kakitangan Jabatan Projek dan Pengurusan Harta bertanggungjawab terhadap penggunaan kad inden minyak yang tidak dikhususkan kepada pemandu rasmi. Buku rekod kad inden minyak tercatat perincian penggunaan kad tersebut seperti nama pemandu, destinasi yang dituju dan resit penggunaan kad inden minyak dilampirkan bagi memastikan penggunaan minyak tidak salah guna. Salinan resit tersebut akan disemak bersama-sama invois bulanan daripada pihak PETRONAS Smartpay supaya dipastikan sama dengan jumlah resit penggunaan kad. Pengurusan telah membuat penambahbaikan dalam sistem penggunaan kad inden minyak dengan hanya menghadkan penggunaan kad inden minyak hanya kepada kakitangan Jabatan Projek Dan Pengurusan Harta serta pemandu rasmi syarikat dan kakitangan yang membuat perjalanan jarak jauh sahaja.**

- b. Pemeriksaan dan verifikasi terhadap aset tidak dijalankan sejak TISB ditubuhkan. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pemeriksaan dan verifikasi terhadap aset ada dibuat oleh Juruaudit Luar setiap tahun iaitu melalui kaedah sampling. Bagaimanapun, pada tahun 2011 pemeriksaan aset telah dibuat secara menyeluruh dan sebahagian daripada aset dicadangkan untuk dibuat pelupusan. Bermula pada tahun 2013, setiap penghujung tahun dicadangkan untuk dilakukan pemeriksaan penuh aset syarikat.**

#### **3.4.3.8. Pengisian Jawatan Tidak Selaras Dengan Kelulusan Lembaga Pengarah**

- a. Sumber manusia yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran adalah penting dalam memastikan segala perancangan syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap selaras dengan matlamat yang hendak dicapai. Semakan Audit mendapati struktur perjawatan TISB telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah TISB pada 18 November 2008. Bagaimanapun, struktur perjawatan yang disediakan tidak selaras dengan kelulusan Lembaga Pengarah. Dua belas perjawatan termasuk perjawatan yang penting seperti *Chief Operating Officer, Chief Information Officer, Chief Financial Officer* tidak diisi dan sebahagiannya tidak diambil kira dalam penyediaan bajet tahunan.
- b. **Berdasarkan maklum balas TISB bertarikh 13 Mei 2013, pihak pengurusan telah mengkaji semula carta organisasi TISB secara keseluruhan dengan mengambil kira kelulusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah TISB sebelum ini. Cadangan penstrukturkan carta organisasi tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah TISB Ke-2 pada 25 Mac 2013. Cadangan ini akan dibincangkan semula dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. TISB perlu memastikan Rancangan Korporat disediakan, pengerusi serta setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan berperanan mengikut peraturan ditetapkan.

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan syarikat, Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- 3.5.1.** Menstrukturkan semula dan memulihkan prestasi anak syarikat yang mengalami kerugian dan dorman bagi menjana tambahan pendapatan.
- 3.5.2.** Membuat penilaian terperinci bagi memastikan Projek Pembangunan Pulau Besar dapat dimanfaatkan selaras dengan matlamat yang hendak dicapai.
- 3.5.3.** Menyediakan Rancangan Korporat, Jawatankuasa Pelaburan berfungsi dan pengerusi serta setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlulah berperanan mengikut peraturan ditetapkan.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kerana kurangnya pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan ketidakpatuhan terhadap peraturan serta undang-undang yang berkuatkuasa. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

### **JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**10 Julai 2013**







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
NO. 15, ARAS 1-5  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)